

BAB LIMA

PETANI PINDAH DAN MASALAH KEMISKINAN

5.1 Pengenalan

Pendapat umum sudah lama menjawab persoalan bahawa masyarakat petani pindah memang mengalami masalah kemiskinan. Data-data pendapatan dan maklumat petunjuk-petunjuk sosio-ekonomi yang lain jelas menjadi bukti bahawa kumpulan ini memang mengalami masalah tersebut. Bagaimanapun membincangkan isu kemiskinan dari segi definisi, data-data dan pendapat umum adalah tidak mencukupi. Menurut Holman:

“Poverty has so far been discussed in terms of definition, numbers and public recognition. But, as anyone who has made personal relationship with the poor will know poverty entails more than statistics. It also concerns personal experience and attitudes”.

(Holman, 1978: 46)

Seperti yang Holman jelaskan, perbincangan mengenai kemiskinan harus juga mengambilkira perspektif kumpulan berkenaan khususnya perkara yang berkaitan dengan wawasan dan cita-cita mereka, pengalaman dan sikap mereka terhadap masalah ini. Oleh itu bab ini akan meninjau masalah kemiskinan petani pindah dengan membuat penelitian dan perbandingan ke atas tingkahlaku ekonomi masyarakat petani pindah (kaum Rungus) khususnya keutamaan mereka terhadap perbelanjaan, pelaburan dan simpanan. Penelitian terhadap ketiga-tiga perkara ini akan menggambarkan motivasi, nilai dan sikap mereka apabila berhadapan dengan isu kemiskinan.

5.2 Konsep Kemiskinan (*mosikim*) dalam Masyarakat Rungus

Masyarakat Rungus sebenarnya mempunyai idea yang sangat jelas tentang siapa individu yang miskin, sebab individu tersebut miskin dan keadaan individu yang miskin. Adalah menarik untuk melihat penjelasan tradisional yang diberikan oleh orang-orang yang sudah lanjut usia memandangkan idea-idea tradisional lebih mempengaruhi pemikiran mereka dan sekaligus menggambarkan idea-idea masyarakat tradisional yang stereotaip. Menurut dua orang responden yang masing-masing berusia lebih 80 tahun (Puan Sinahaya dan Encik Musarang, Kg. Panudahan, Kudat); “Sebenarnya dalam masyarakat Rungus yang tradisional, hampir tiada individu yang miskin...”. Menurut mereka individu yang miskin ialah individu yatim piatu (*usan-usan*) dan janda tanpa anak (*bituanon aso tanak*). Kedua-dua kedudukan sosial ini akan menyebabkan seseorang individu itu miskin. Seorang *usan-usan* digambarkan sebagai seorang yang ibu bapanya sudah meninggal pada masa ia masih kecil, merupakan anak tunggal dan tidak mempunyai saudara-mara dan kalau adapun tinggal di tempat yang jauh. Sering juga digambarkan *usan-usan* mempunyai kecacatan dan tiada ibu bapa yang sudi mengahwinkannya dengan anak perempuan mereka. Keadaan ini menyebabkan sarahidup *usan-usan* hanya bergantung kepada belas kasihan orang ramai seperti memberi peluang kepadanya menuai padi di *tagad* orang kampung dan membenarkannya membawa balik sebanyak mana yang dia tuai, memberikannya peluang kerja dan dibayar dalam bentuk padi atau beras. Keadaan yang sama berlaku kepada *bituanon* iaitu seorang yang kematian suami pada usia yang agak lanjut dan tidak mempunyai anak untuk membantunya serta mempunyai saudara-mara yang jauh.


Boleh dirumuskan bahawa pendapat masyarakat Rungus tradisional mengenai kemiskinan pada umumnya menekankan kepada bagaimana keupayaan seseorang itu berdikari (membuka *tagad*). Individu yang kehidupannya hanya bergantung kepada belas kasihan orang ramai dianggap sebagai individu yang miskin. Dengan perkataan lain, individu yang tidak mempunyai *tagad* sendiri dan tidak mempunyai simpanan padi yang mencukupi, adalah individu yang miskin. Dalam hal ini individu yang biasanya tidak mempunyai *tagad* ialah *usan-usan* dan *bituanon* kerana keadaan fizikal mereka (samada cacat atau uzur) menyebabkan aktiviti mereka terhad. Mereka juga tidak mempunyai saudara-mara yang tinggal berdekatan. Selain itu, cerita-cerita rakyat menggambarkan *usan-usan* sebagai “jangankan mempunyai harta; sebilah parang pun *usan-usan* tidak mampu memiliki”. Perkara-perkara ini dilihat sebagai satu penyebab atau keadaan individu yang miskin. Ini kerana tanpa saudara-mara, kehidupan individu berkenaan akan bergantung kepada belas kasihan orang-orang kampung. Keadaan kedua-dua individu ini merupakan satu sifat ideal yang memungkinkan kewujudan masalah kemiskinan dalam sesuatu kampung tersebut. Mekanisma tradisional dalam menangani masalah ini ialah mencarikan pasangan untuk si *bituanon* di kalangan lelaki yang kematian isteri untuk memastikannya tidak terus ‘berseorangan’. Bagaimanapun untuk *usan-usan*, tidak terdapat mekanisme tertentu yang dilakukan. Selain itu, sistem pemilikan tradisional yang mengecualikan tanah sebagai satu barang yang boleh dimiliki secara tetap telah membolehkan semua orang mempunyai peluang yang sama rata untuk meningkatkan taraf ekonomi masing-masing. Kebebasan menggunakan tanah ini bukan sahaja membolehkan mereka mendapatkan keperluan makanan tetapi juga menjadi satu sumber untuk mengumpul kekayaan.

Oleh itu, masyarakat tradisional menganggap bahawa individu yang kaya ialah individu yang mempunyai *tagad* yang bertambah luas setiap tahun, mempunyai simpanan padi yang banyak dan lebih daripada mencukupi dan yang paling penting mempunyai simpanan sejumlah barang-barang kebudayaan yang diperolehi daripada hasil penjualan (sebenarnya hasil pertukaran antara sejumlah padi dan barang kebudayaan) lebihan padi. Barang kebudayaan yang sering dicari ialah gong pelbagai saiz dan bentuk yang diperbuat daripada tembaga, pakaian tradisional seperti baju lelaki (*badu*), kain dastar (*sigal*) dan baju wanita (*banat*) serta perhiasan tradisional seperti manik, *gegelang* dan sebagainya. Keluarga yang mempunyai sejumlah barang-barang ini akan dianggap berjaya dalam hidupnya manakala keluarga yang mempunyai barang-barang ini dalam jumlah yang lebih banyak adalah individu-individu paling kaya dalam sebuah kampung tersebut.

Perbezaan miskin dan kaya ini bagaimanapun sukar dikesan oleh ‘orang luar’ kerana keadaan ‘luaran’ mereka sudah tentu berbeza dengan idea masyarakat umum tentang ‘kemewahan’. Rumah panjang yang uzur serta unit-unit bilik yang serupa seolah-olah menyembunyikankekayaan mereka (yang berkenaan). Hanya anggota masyarakat kampung berkenaan yang pasti kedudukan sebenar ekonomi seseorang. Keadaan rumah, pekerjaan dan cara hidup langsung tidak menggambarkan kedudukan ekonomi. Masyarakat tradisional bagaimanapun mempunyai kecenderungan untuk memamerkan ‘kekayaan’ mereka samada yang berada dalam simpanan ataupun semasa musim perayaan.

LAKARAN 1

Keratan Rentas Sebuah Rumah Panjang



Peralatan kebudayaan diletakkan di satu tempat khas di ruang penyimpanan dekat bumbung rumah panjang (lihat lakaran 1). Tujuan di sebalik cara penyimpanan ini ialah supaya orang ramai yang lalu-lalang di bahagian *lansang* dan mereka yang sedang duduk di *tingkang* akan dapat melihat barang-barang pemilik unit berkenaan. Pada musim perayaan pula, mereka dengan bangganya akan mengeluarkan barang-barang kebudayaan terutamanya alat muzik (seperti gong dan gendang) untuk mengiringi tarian '*mongigol/sumundai*' untuk menghiburkan tetamu mereka. Menurut Encik Porodong Magilin, saat yang paling membanggakan bagi seorang pemilik barang-barang kebudayaan ini ialah apabila ketika meminta isterinya mengeluarkan peralatan kebudayaan yang terbaik (seperti gong) kemudian meminta orang ramai memainkan peralatan tersebut untuk menghiburkan tetamunya. Menurut beliau lagi, adalah satu

perkara yang agak memalukan bagi pihak tuan rumah jika terpaksa meminjam peralatan tersebut daripada jirannya untuk digunakan dalam majlisnya.

Pakaian pada masa perayaan juga menunjukkan status ekonomi seseorang. Baju yang ditenun lengkap dengan butang-butang besar berwarna keemasan atau keperakan, kain *sigal* (kain dastar) untuk menghias kepala, seluar *masap* (seluar berwarna gelap, besar dan longgar) dan *hokos* (kain yang diikat di pinggang) adalah pakaian yang paling lengkap bagi seorang lelaki. Bahkan seseorang lelaki ditegah mengenakan pakaian-pakaian ini terutamanya baju *badu* jika kedudukan sosialnya rendah iaitu samada miskin, tidak berpangkat atau tidak mahir hukum-hakam masyarakat Rungus. Pakaian lelaki yang lengkap khususnya baju *badu* menjadi pakaian eksklusif untuk orang kaya, berpangkat (ketua kampung dan *bobolizan* lelaki) serta pakar adat-istiadat. Wanita juga memakai pakaian tradisional (ditenun) yang lengkap dengan perhiasan dan kelengkapan seperti rantai *togkol* (sejenis rantai manik), *orot* (tali tembaga yang dililit di pinggang) dan sebagainya. Bagaimanapun hanya *bobolizan* wanita yang dibenarkan memakai *tapi tinongkupan* iaitu ‘skirt’ tradisional yang dihiasi dengan *giring* (sejenis loceng tembaga yang kecil iaitu berukuran kira-kira sebesar buah mata kucing). Pakaian dan kelengkapan pakaian ini sebahagian besarnya diperolehi daripada hasil penjualan (penukaran) hasil pertanian terutama padi dan jagung. Pakaian, kelengkapan dan perhiasan tradisional ini bukan sahaja memenuhi keperluan estetika malah ia juga menunjukkan kejayaan individu tersebut dalam usahanya sebagai petani.

Penggunaan matawang yang sangat terhad dalam ekonomi masyarakat tradisional awal (kira-kira sebelum 1960) telah meletakkan hasil pertanian sebagai satu perantaraan dalam kegiatan ekonomi. Hasil pertanian menjadi sumber untuk membina dan

mengukuhkan status sosial. Keadaan miskin atau kaya seseorang sebenarnya ditentukan oleh kejayaan usahanya di *tagad*.

Kejayaan sebagai petani di kawasan kajian masih merupakan faktor penting yang dianggap sebagai penentu kehidupan seseorang itu susah atau senang. Berbanding dengan tanggapan umum; masih ramai petani yang berpendapat bahawa mereka berasa hidup senang walaupun tanpa kewangan yang banyak.

Jadual 5.1 menunjukkan pendapat petani di kawasan kajian terhadap pengaruh wang dalam menentukan kehidupan yang susah atau senang. Pada keseluruhannya 29 (48.5%) menyatakan kehidupannya susah dan 27 daripadanya (93.1%) menghubungkan kesusahan mereka dengan ketiadaan wang. Walau bagaimanapun 22 (36.7%) petani di kawasan kajian menyatakan hidup mereka senang walaupun dengan wang yang sedikit (59.1%) atau tiada wang (40.9%). Manakala 9 (15%) lagi tidak pasti samada mereka hidup senang atau susah. Perkara ini kemungkinan besar disebabkan oleh kekeliruan mereka terhadap pengertian hidup senang atau hidup susah mengikut tanggapan tradisional (ada padi maka hidup senang) atau tanggapan yang lebih moden yang sering meletakkan kesenangan manusia pada perkiraan wang. Mesej jelas dalam jadual ini ialah para petani masih kurang memberi tumpuan untuk meningkatkan pendapatan tunai kerana masih terdapat persepsi bahawa kehidupan yang senang tidak semestinya dengan wang yang banyak. Dengan perkataan lain, mereka berasa puas dengan kehidupan yang dinikmati pada masa kini.

Jadual 5.1
Pengaruh Wang Terhadap Kehidupan Senang Atau
Susah Mengikut Pengalaman Petani Pada 1996

Keadaan sekarang	Kg. Tinangol		Kg. P/R/B		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Hidup senang	14	46.7	8	26.7	22	36.7
Hidup senang - banyak wang	-	-	-	-	-	-
Hidup senang - sedikit wang	8	57.1	5	62.5	13	59.1
Hidup senang - tiada wang	6	42.9	3	37.5	9	40.9
Hidup susah	13	43.3	16	53.3	29	48.5
Hidup susah - banyak wang	-	-	-	-	-	-
Hidup susah - sedikit wang	2	15.4	-	-	27	6.9
Hidup susah - tiada wang	11	84.6	16	100	27	93.1
Tidak pasti	3	10	6	20	9	15
Jumlah (hidup senang + susah + tidak pasti)	30	100	30	100	60	100

Oleh itu *tagad* boleh dikatakan sebagai pengukur kejayaan seseorang dan diiktiraf serta dikukuhkan oleh masyarakat Rungus melalui adat-istiadat, pakaian dan kelengkapan pakaian yang telah dinyatakan tersebut.

5.3 Nilai dan Motivasi Petani Pindah

Pembangunan pesat ekonomi negara khususnya selepas merdeka telah memberikan pendedahan ekonomi yang baru kepada para petani pindah. Pendedahan ini

sedikit sebanyak telah memberikan alternatif ekonomi lain yang boleh digunakan untuk menampung kehidupan keluarga.

Walau bagaimanapun, kesungguhan untuk mengukuhkan kedudukan sosial melalui kegiatan ekonomi (khususnya ekonomi pertanian) yang lebih moden masih pada tahap yang amat rendah di kalangan para petani pindah. Walaupun, kelayakan pendidikan yang rendah mungkin menjadi sebab utama mereka bersikap demikian tetapi persoalan nilai dan motivasi haruslah tidak diambil ringan. Lagipun masalah ketiadaan kelayakan pendidikan adalah masalah yang hampir tidak dapat dielakkan terutama di kalangan petani yang berumur 40 tahun ke atas kerana peluang persekolahan amat sukar diperolehi di kawasan luar bandar pada masa mereka sepatutnya berada di bangku sekolah. Malah di kalangan segelintir petani yang muda dan berpeluang mendapat pendidikan asas di sekolah telah memilih petani sebagai kerjaya mereka.

Berbalik kepada persoalan asal, mungkin kurangnya kesungguhan petani untuk melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi yang lebih menguntungkan didorong oleh nilai dan motivasi mereka terhadap isu-isu berikut:

1. Prioriti umum
2. Pelaburan dan simpanan
3. Amalan perbelanjaan
4. Sikap dan penerimaan terhadap inovasi.

5.3.1 Prioriti Umum

Prioriti umum menjelaskan apakah objektif umum petani dalam membuat pilihan-pilihan umum dalam kehidupan sehari-hari. Keputusan yang dibuat dalam menentukan prioriti mereka berkemungkinan besar akan dipengaruhi oleh tiga pertimbangan berikut iaitu:

- (a) Pertimbangan ekonomi
- (b) Pertimbangan sosio-budaya
- (c) Pertimbangan gabungan ekonomi dan budaya

(diubahsuai daripada Wharton, 1969: 14-17)

Berikut akan disenaraikan beberapa aspek prioriti yang menjadi trend di keduanya kawasan kajian.

Prioriti Dalam Kegiatan Pertanian

Didapati bahawa petani melakukan sesetengah kegiatan pertanian adalah semata-mata untuk ‘memenuhi’ syarat dalam pertanian pindah. Umpamanya mereka menanam sesuatu tanaman tanpa niat untuk mendapat pulangan yang lebih baik atau lebih menguntungkan.

Jadual 5.2 menunjukkan tujuan petani menanam beberapa tanaman selain daripada padi di *tagad* mereka. Dapat diperhatikan bahawa tujuan menanam ketiga-tiga jenis tanaman tersebut sebahagian besarnya adalah untuk kegunaan sendiri. Di Kg. Tinangol misalnya, peratusan yang menanam untuk kegunaan sendiri ialah masing-masing; jagung, 80.7%, sayur-sayuran, 84.6% dan ubi kayu, 77.8%.

Jadual 5.2
Tujuan Petani Menanam Jagung, Sayur Dan
Ubi Kayu Di Tagad Pada Musim Pengeluaran 1995/96

Tanaman	Tujuan Menanam	Kg. Tinangol		Kg. P/R/B		Jumlah	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Jagung	Jualan sahaja	-	-	3	12.5	3	6
	Kegunaan sendiri sahaja	21	80.7	14	58.3	35	70
	Jual/kegunaan sendiri	5	19.2	7	29	12	24
	Jumlah	26	100	24	100	50	100
Sayur-sayuran	Jualan sahaja	-	-	2	8.7	2	4
	Kegunaan sendiri sahaja	22	84.6	9	39	31	62
	Jual/Kegunaan sendiri	5	19.2	12	52.2	17	34
	Jumlah	27	100	23	100	50	100
Ubi Kayu	Jualan sahaja	-	-	1	33.3	1	8.3
	Kegunaan sendiri sahaja	7	77.8	1	33.3	8	67
	Jual/Kegunaan sendiri	2	22.8	1	33.3	3	25
	Jumlah	9	100	3	100	12	100

Peratus petani yang menanam tanaman tersebut semata-mata untuk tujuan jualan adalah sangat rendah malah tidak ada seorang pun responden di Kg. Tinangol yang menanam mana-mana tanaman tersebut semata-mata untuk jualan. Bagaimanapun terdapat sebilangan kecil menanam tanaman tersebut semata-mata untuk jualan di Kg. P/R/B iaitu 3 orang (jagung), 2 orang (sayur-sayuran) dan 1 orang (ubi kayu).

Walaupun terdapat peluang pasaran untuk ketiga-tiga tanaman tersebut tetapi oleh kerana motif mereka menanam bukan dihalakan kepada keuntungan menyebabkan kegiatan ini tidak banyak mendatangkan pulangan tunai. Pengkaji berpendapat bahawa para petani sebenarnya mungkin mempunyai keinginan untuk menjual hasil-hasil tersebut tetapi pengalaman-pengalaman tahun-tahun sebelumnya seperti harga yang sangat rendah kerana kelebihan bekalan (khususnya jagung yang merupakan tanaman bermusim) dan masalah pengangkutan untuk pemasaran (terutama di Kg. P/R/B)

menyebabkan mereka lebih suka untuk menanam tanaman tersebut untuk kegunaan mereka sendiri sahaja seperti untuk makanan sendiri dengan cara merebus dan bakar atau memarut atau menghirisnya sebelum dimasak. Jagung tua juga amat sesuai untuk makanan ayam kampung.

Keadaan ini membuktikan bahawa motif mereka menjalankan sesuatu kegiatan pertanian memainkan peranan penting dalam menentukan pendapatan tunai mereka. Ini seterusnya menyebabkan mereka terus tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah. Selain itu, motif mereka ini juga menunjukkan bahawa para petani masih tidak dapat menggunakan kesempatan sepenuhnya melalui keupayaan mereka mengeluarkan sesuatu mengikut kehendak pasaran.

Prioriti Ke Atas Barang Yang Mempunyai Nilai Yang Sama

Pemerhatian ke atas pilihan barang-barang oleh masyarakat di tempat kajian juga akan memperlihatkan nilai dan motivasi mereka apabila berhadapan dengan isu kebendaan. Dalam bahagian ini pengkaji cuba melihat sejauhmanakah para petani melihat wang sebagai pilihan utama mereka sekiranya seseorang ingin memberikan salah satu daripada beberapa pilihan barang (termasuk wang) yang mempunyai nilai yang sama.

Jadual 5.3 menunjukkan pilihan prioriti yang dilakukan oleh petani di kedua-dua kawasan kajian ke atas pelbagai barang yang mempunyai nilai yang sama. Bertentangan dengan apa yang dijangkakan lebih awal oleh pengkaji, didapati hanya 14 (46.7%) petani di Tinangol dan 10 (33.3%) di Kg. P/R/B memilih wang tunai RM300.00.

Kelengkapan rumah menjadi pilihan kedua terbanyak dengan masing-masing 1/3 memilihnya menjadikan jumlah keseluruhan ialah 20 orang atau masing-masing 33.3%. Satu perbezaan yang agak ketara ialah hanya 1 orang (3.3%) di Kg. Tinangol untuk memilih beras sedangkan 8 orang (26.7%) petani di Kg. P/R/B berbuat demikian.

Jadual 5.3
Prioriti Petani Ke Atas Barang Yang
Mempunyai Nilai Yang Sama (RM300.00) Pada 1996*

Barangan	Kg. Tinangol		Kg. P/R/B		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Tunai RM300.00	14	46.7	10	33.3	24	23.3
Barang kebudayaan	4	13.3	-	-	4	4.6
Beras/bahan makanan	1	3.3	8	26.7	9	15
Kelengkapan rumah	10	33.3	10	33.3	20	33.3
Tidak dapat memilih	1	3.3	2	6.7	3	5
Jumlah	30	100	30	100	60	100

* Soalselidik adalah berbunyi berikut:Sekiranya seseorang ingin memberi salah satu daripada barang berikut yang mempunyai nilai yang sama, apakah pilihan anda?

Peratusan yang sederhana tetapi paling tinggi ke atas pemilihan tunai RM300.00 menunjukkan pengaruh matawang dalam urusan sehari-hari semakin diterima. Sebaliknya, penerimaan ini belum mencapai ke satu peringkat di mana, kegiatan dan usaha mereka ditumpukan semata-mata untuk mendapatkan wang tunai. Ini dapat dilihat daripada pilihan 4 orang petani di Kg. Tinangol yang memilih barang kebudayaan sebagai pilihan utama mereka, 8 orang di Kg. P/R/B yang memilih beras sebagai pilihan utama mereka. Kesimpulan yang boleh dibuat ialah, walaupun tunai semakin diperlukan tetapi bagi masyarakat petani di kawasan kajian mereka masih meletakkan beberapa perkara lain sebagai prioriti mereka.

Prioriti Tindakan Ke Atas Lebihan Padi

Nilai dan motivasi ekonomi petani juga dapat dilihat daripada cara mereka menangani lebihan padi mereka. Secara rasionalnya, seorang manusia yang berfikiran ekonomi moden seharusnya berusaha untuk mendapatkan sejumlah keuntungan daripada lebihan pengeluarannya. Bagaimanapun, apakah tindakan petani di kawasan kajian apabila mengalami lebihan padi pada sesuatu musim pengeluaran?

Jadual 5.4 menunjukkan tindakan yang akan dilakukan oleh petani jika mereka mengalami kelebihan simpanan padi pada sesuatu musim pengeluaran. Pada keseluruhannya ada tiga pilihan tindakan terpenting yang akan dilakukan oleh petani iaitu samada menjual (28.3%), menyimpan kesemuanya (26.7%) dan gabungan menjual sebahagian dan menyimpan sebahagian (20%). 27 orang (90%) petani di Kg. P/R/B memilih salah satu dari tiga tindakan popular ini manakala hanya 18 orang (60%) di Kg. Tinangol berbuat demikian.

Jika dilihat dari perspektif ekonomi Weberian, petani di Kg. P/R/B lebih rasional kerana mereka lebih menekankan keuntungan marginal hasil lebihan padi mereka serta lebih bersikap marginalis. Petani di Kg. Tinangol dapat dilihat sebagai lebih tradisional berdasarkan pertimbangan yang sederhana ke atas usaha menjual atau menyimpan lebihan mereka malah 40% daripada mereka ada menyatakan samada memberi semua atau separuh lebihan padi mereka kepada orang lain berbanding hanya 3.3% di Kg. P/R/B yang berbuat demikian.

Jadual 5.4
Tindakan Petani Jika Mengalami Kelebihan
Simpanan Padi Pada 1996

Tindakan	Kg. Tinangol		Kg. P/R/B		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Jual kesemuanya	6	20	11	36.7	17	28.3
Jual $\frac{1}{2}$, beri $\frac{1}{2}$ kepada sdr.	5	16.7	-	-	5	8.3
Jual $\frac{1}{2}$, simpan $\frac{1}{2}$	5	16.7	7	23.3	12	20
Beri semua ^(a)	4	13.3	-	-	4	6.7
Beri $\frac{1}{2}$, simpan $\frac{1}{2}$	3	10	1	3.3	4	6.7
Simpan kesemuanya	7	23.3	9	30	16	26.7
Lain-lain	-	-	1 ^(b)	3.3	1	1.7
Tidak dapat menjawab Soalan	-	-	1	3.3	1	1.7
Jumlah	30	100	30	100	60	100

^(a)Saudara-mara diutamakan dalam pemberian padi. 2 petani mahu memberikan kesemua lebihan padinya kepada saudara-mara, seorang mahu memberikannya kepada pihak gereja dan seorang lagi mahu memberikan kepada sesiapa sahaja yang mengalami kesempitan makanan.

^(b)Pinjamkan padi untuk mendapatkan bunga (interest).

Berikut dijelaskan dengan lebih lanjut tindakan penduduk ke atas lebihan padi mereka berdasarkan tiga tindakan utama iaitu samada menjual, menyimpan atau memberikannya.

Jadual 5.5 merupakan satu analisa lanjut Jadual 5.4. Dapat diperhatikan bahawa dalam perspektif rasional-tradisional, petani di Kg. P/R/B mengatasi kerasionalan petani di Kg. Tinangol. Terdapat 60% petani Kg. P/R/B menyatakan keinginan menjual separuh atau semua lebihan padi mereka sedangkan hanya 53.3% akan berbuat demikian di Kg. Tinangol. Sementara itu hanya 50% petani Kg. Tinangol menyatakan keinginan

untuk menyimpan separuh atau semua lebihan padi mereka berbanding dengan 56.7% di Kg. P/R/B. Jika cara tradisional diamalkan, mereka akan menyimpan padi ini dengan menuarkannya kepada peralatan budaya terutama gong supaya dapat disimpan lama dan boleh pula digunakan untuk membeli makanan (padi) pada musim-musim padi tidak menjadi di kawasan individu berkenaan. Sekali lagi tindakan ini masih kurang rasional bagi ekonomi moden kerana mengetepikan konsep marginalise sebaliknya hanya mempertimbangkan risiko masa hadapan.

Jadual 5.5
**Analisa Lanjut (berdasarkan Jadual 5.4) Tindakan Petani
 Jika Mengalami Kelebihan Simpanan Padi Pada 1996***

Tindakan	Kg. Tinangol		Kg. P/R/B	
	Bil.	%	Bil.	%
Jual semua/separuh	16	53.3	18	60
Simpan semua/separuh	15	50	17	56.7
Beri semua/separuh	12	40	1	3.3

*Peratusan adalah diperolehi daripada kekerapan sesuatu tindakan dilakukan (per-30) samada tindakan tersebut adalah melibatkan semua padi (contoh: jual kesemuanya) dan tindakan yang hanya melibatkan separuh padi (contoh: jual separuh). Pengiraan dua kali ke atas sesuatu tindakan gabungan (contoh: jual separuh, simpan separuh) berlaku.

Tindakan ‘memberikan’ khususnya kepada saudara-mara yang memerlukan juga menunjukkan bahawa faktor hubungan keluarga (kekerabatan) merupakan satu faktor penting yang mempengaruhi keputusan ekonomi mereka. Dalam hal ini, dapat disimpulkan bahawa walaupun pada dasarnya mereka mengusahakan ladang mengikut unit pengeluaran keluarga asas, namun dalam situasi yang mendesak survival famili ini boleh dijelmakan sebagai satu bentuk survival komuniti.

Analisis terhadap tindakan petani terhadap lebihan simpanan padi mereka sedikit sebanyak menunjukkan motivasi mereka apabila berhadapan dengan konsep ‘marginalisation’. Walaupun dalam bahagian ini pengkaji menganggap petani di Kg. Tinangol kurang rasional mengikut ukuran ekonomi moden, tetapi pendekatan mereka yang dianggap tradisional ini sebenarnya mempunyai rasionalnya yang tersendiri. Nilai rasional yang dapat disimpulkan dalam analisa ini ialah petani-petani di Kg. P/R/B mengamalkan pendekatan rasional tulen (ekonomi moden) sedangkan rasional bagi petani Kg. Tinangol ialah mengukuhkan ikatan kesatuan dalam komuniti agar survival komuniti tersebut lebih terjamin.

Prioriti petani dalam aspek ini juga menjelaskan persepsi mereka terhadap nilai-nilai dalam ekonomi moden dan pendekatan mereka menghadapinya di tengah-tengah masyarakat yang kuat mempertahankan kepentingan komuniti.

Ketiga-tiga isu prioriti umum yang diketengahkan dalam bahagian ini sedikit sebanyak telah mengupas beberapa perkara iaitu: Pertama, prioriti mereka amat dipengaruhi oleh pertimbangan budaya. Dalam menjalankan kegiatan pertanian misalnya para petani seolah-olah menanam sesuatu kerana “that way it should be”. Rogers E.M. (1970) merumuskan keadaan ini sebagai:

“They basically plant their crops not because those are the most profitable in money, but because they need to plant what they need and like to eat”.

(Wharton, ed., 1970: 118)

Tujuan menjalankan kegiatan pertanian bukanlah menjurus kepada matlamat untuk mendapatkan keuntungan marginal tetapi sebahagian besarnya untuk memenuhi

keperluan sendiri. Amalan ini dipandu pula oleh amalan budaya yang turut mempengaruhi proses membuat keputusan ke atas prioriti-prioriti mereka. Keadaan ini terbukti dalam pemerhatian kepada prioriti para petani terhadap beberapa barang yang mempunyai nilai yang sama. Pada masa kepentingan wang semakin diterima sebagai satu keperluan penting, mereka masih meletakkan beberapa perkara lain sebagai prioriti seperti kelengkapan rumah, beras dan barang tradisional.

Cara para petani menangani lebihan padi mereka adalah petunjuk yang paling jelas bagaimana kecilnya peranan ekonomi marginalise moden dalam ekonomi tradisional. Walaupun tindakan menjual boleh dikatakan sebagai tindakan yang paling rasional bagi gagasan ekonomi moden namun masyarakat petani tradisional masih sempat meletakkan pertimbangan sosial yang lain seperti memberikan kepada saudara-mara atau orang ramai yang memerlukannya. Walaupun peratusan ke atas pertimbangan sosial ini semakin rendah tetapi peratusan ini sekurang-kurangnya menunjukkan bahawa amalan seperti ini merupakan amalan yang bukan asing bagi masyarakat tradisional yang lebih awal.

Kedua, prioriti adalah lebih diberikan kepada soal survival atau kelangsungan hidup berbanding dengan soal mendapatkan keuntungan marginal. Untuk tujuan itu makanan adalah prioriti terpenting. Robert Chambers, (1993: 144-145) berdasarkan pengalaman kajiannya di Bangladesh menyebut:

“For survival food come first... it seems that most poor rural people seek first an adequate independent source of food and income under their control, or in other words, a secure and decent livelihood.”

Dalam kes petani di kawasan kajian walaupun mereka ada menjual sebahagian hasil pertanian mereka (khususnya kelapa), namun ini tidak bermakna bahawa mereka bukan petani saradiri (Lihat Swift, 1964). Jika dilihat daripada cara mereka membelanjakan hasil jualan tersebut, sebahagian besarnya digunakan untuk perbelanjaan makanan dan hanya sebahagian kecil digunakan sebagai modal untuk meningkatkan produktiviti mereka.

Keadaan ini juga jelas ditunjukkan dalam Jadual 5.4 di mana walaupun mengikut jangkaan ekonomi rasional, mereka boleh menjual lebihan padi mereka tetapi masih terdapat peratus yang tinggi (26.7%) yang mengambil keputusan untuk menyimpan kesemuanya untuk kegunaan sendiri sahaja.

5.3.2 Simpanan dan Pelaburan

Kemantapan ekonomi seseorang petani tidak bergantung sepenuhnya kepada keupayaannya menjalankan kegiatan ekonominya pada tahap maksimum. Prestasi ekonominya juga ditentukan oleh amalan dan sikap dalam aspek pelaburan dan simpanan. Simpanan dan pelaburan bukan sahaja dapat memainkan peranan sebagai ‘penyelamat’ pada masa kemerosotan hasil pertanian tetapi juga boleh menjadi modal untuk menambahkan input dalam proses pengeluaran supaya hasil keluaran lebih tinggi. Selain itu, dengan adanya simpanan dan pelaburan, para petani berpeluang untuk meneroka lapangan ekonomi yang lain serta dapat pula membiayai persekolahan anak-anak mereka.

Simpanan dan Pelaburan Dalam Bentuk Barang Kebudayaan

Amalan menyimpan memang terdapat dalam masyarakat tradisional. Bagaimanapun bentuknya mempunyai perbezaan dengan amalan menyimpan dalam ekonomi moden yang mempunyai skop simpanan yang lebih luas. Dalam masyarakat tradisional bentuk simpanan yang paling penting ialah simpanan dalam bentuk barang-barang kebudayaan. Seperti yang dijelaskan dalam Bab 2, simpanan dalam bentuk ini sebahagian besarnya merupakan hasil daripada lebihan simpanan padi yang ditukar-beli dengan peralatan kebudayaan.

Jadual 5.6 menunjukkan nilai keseluruhan simpanan barang-barang kebudayaan mengikut jenis yang berada dalam simpanan penduduk di Kg. Tinangol dan Kg. P/R/B. Peralatan bunyi-bunyian terutama pelbagai jenis gong merupakan simpanan yang paling penting di kedua-dua buah kampung iaitu masing-masing bernilai RM80,055 (49.1%) di Kg. Tinangol dan RM48,350 (56.7%) di Kg. P/R/B. Simpanan kedua penting di Kg. Tinangol ialah pakaian dan perhiasan tradisional yang bernilai RM48,086 (29.5%) diikuti oleh barangan tembikar bernilai RM20,055 (12.3%) dan akhir sekali peralatan menyimpan bernilai RM14,960 (9.2%). Berbanding dengan Kg. Tinangol), simpanan kedua penting di Kg. P/R/B ialah peralatan tembikar bernilai RM14,200 (16.7%), diikuti oleh pakaian dan perhiasan tradisi bernilai RM13,730 (16.1%) dan akhir sekali pelbagai jenis peralatan menyimpan bernilai RM8,910 (10.5%).

Jadual ini menunjukkan bahawa masyarakat petani kaum Rungus juga mempunyai sejumlah simpanan harta benda yang bernilai seperti yang dinyatakan. Persoalannya setakat manakah nilai barang-barang ini teragih? Jawapan kepada persoalan

ini akan menjelaskan sejauhmanakah amalan nilai menyimpan dijalankan oleh petani-petani di kedua-dua kawasan kajian.

Jadual 5.6
Nilai* Pasaran Barang Kebudayaan Yang Berada
Dalam Simpanan Petani Pada 1996

Peralatan Kebudayaan	Kg. Tinangol		Kg. P/R/B		Jumlah	
	Nilai (RM)	%	Nilai (RM)	%	Nilai (RM)	%
Bunyi-bunyian	80,055	49.1	48,350	56.7	128,405	51.7
Alat menyimpan	14,960	9.2	8,910	10.5	23,870	9.6
Pakaian/hiasan	48,086	29.5	13,730	16.1	61,816	24.9
Tembikar	20,055	12.3	14,220	16.7	34,255	13.8
Jumlah	163,156	100	85,210	100	248,346	100

Nota: Hanya melibatkan petani yang mempunyai simpanan melebihi nilai pasaran RM100.00 diambilkira iaitu 25 orang (83.3%) di Kg. Tinangol dan 21 (70%) di Kg. P/R/B.

* Penilaian dilakukan dengan meminta petani menyatakan nilai barang kebudayaan yang berada dalam simpanannya secara satu persatu. Petani melakukan penilaian berdasarkan harga barang tersebut semasa dibeli, harga tertinggi yang pernah ditawarkan oleh orang lain untuk mendapatkan barang tersebut, melalui perbandingan harga antara barang-barang yang sejenis dengan barang tersebut dan mengikut nilai harga semasa.

Jadual 5.7 menunjukkan agihan nilai dan nilai purata simpanan peralatan kebudayaan yang dimiliki oleh petani di Kg. Tinangol dan Kg. P/R/B pada 1996. Di dalam jadual itu dinyatakan tiga kategori nilai simpanan iaitu simpanan kurang RM2000.00, simpanan di antara RM2001 hingga RM5000 dan akhir sekali simpanan melebihi RM5000.

Jadual 5.7
Agihan Nilai dan Nilai Purata Simpanan Peralatan Kebudayaan
Yang Dimiliki Oleh Petani Pada 1996

Kelas Nilai (RM)	Kg. Tinangol		Kg. P/R/B		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Kurang RM100	5	16.7	9	30	14	23.3
101 - 500	2	5.7	6	20	8	13.3
501 - 1000	5	16.7	4	13.3	9	15
1001 - 1500	2	5.7	2	5.7	4	6.7
1501 - 2000	1	3.3	1	3.3	2	3.3
Jumlah kecil	15	50	22	73.3	37	61.7
Purata Simpanan ^(a)	RM656.66		RM422.27		RM517.29	
2001 - 2500	1	3.3	-	-	1	1.7
2501 - 3000	-	-	-	-	-	-
Lebih 3000	3	10	2	5.7	5	8.3
Jumlah kecil	4	13.3	2	5.7	6	10
Purata Simpanan	RM3353.75		RM4797.50		RM3835	
Lebih 5000	6	20	4	13.3	10	16.7
Lebih 10,000	5	16.7	2	5.7	7	11.7
Jumlah kecil	11	36.7	6	20	17	28.3
Purata Simpanan	RM12,717.36		RM11,054		RM12,130	
JUMLAH	30	100	30	100	60	100
PURATA	RM5,438.35		RM2,840.33		RM4,139.43	

^(a)Purata simpanan yang ditunjukkan diperolehi dengan menjumlahkan nilai barang-barang yang berada dalam kelas berkenaan kemudian membahagikan dengan jumlah responden yang tergolong dalam kelas tersebut. Perkara ini dijelaskan dalam persamaan berikut:

Persamaan 1

PSKN = JNS

JK(P) yang mana,

PSKN = Purata Simpanan Kelas Nilai

JNS = Jumlah Nilai Sebenar

JK(P) = Jumlah Kecil Petani (kelas nilai berkenaan)

Oleh itu:

$$\begin{aligned}
 \text{PSKN (RM100 - RM2000)} &= \frac{\text{JNS}}{\text{JK (P)}} \\
 &= \frac{\text{RM9,849.90}}{15} \\
 &= \text{RM656.66}
 \end{aligned}$$

Dapat diperhatikan bahawa sebahagian besar petani iaitu 50% di Kg. Tinangol dan 73.3% di Kg. P/R/B mempunyai simpanan peralatan kebudayaan bernilai kurang daripada RM2000.00. Pada peringkat ini, purata simpanan di Kg. Tinangol lebih tinggi iaitu RM656.66 berbanding hanya RM422.27 (perbezaan sebanyak RM234.39).

Hanya sebahagian kecil petani yang mempunyai nilai simpanan peralatan budaya di antara RM2000.00 hingga RM5000.00. Di Kg. Tinangol hanya 4 atau 13.3% manakala di Kg. P/R/B hanya 2 orang atau 5.7% menjadikannya hanya 10% daripada jumlah keseluruhan. Bagaimanapun purata simpanan pada peringkat ini menunjukkan keadaan sebaliknya berlaku dengan Kg. P/R/B mempunyai purata yang lebih tinggi iaitu RM4797.50 berbanding hanya RM3353.75 di Kg. Tinangol (perbezaan sebanyak RM1443.75).

Sepertiga (36.7%) petani di Kg. Tinangol manakala hanya seperlima (20%) di Kg. P/R/B yang mempunyai simpanan peralatan kebudayaan bernilai lebih RM5000.00. Malah di Kg. Tinangol, 5 orang atau 16.7% mempunyai simpanan melebihi RM10,000.00 berbanding hanya 2 atau 5.7% di Kg. P/R/B. Purata simpanan di Kg. Tinangol pada peringkat ini adalah lebih tinggi iaitu RM12,717.36 berbanding RM11,054.00 di Kg. P/R/B (perbezaan sebanyak RM1663.36).

Pada umumnya agihan nilai simpanan peralatan kebudayaan lebih baik di Kg. Tinangol. Ini dapat ditunjukkan dalam purata agihan keseluruhan di kedua-dua kawasan. Purata keseluruhan di Kg. Tinangol ialah RM5,438.53 berbanding hanya RM2,840.33 di

Kg. P/R/B (perbezaan sebanyak RM2,958.20). Ini menjadikan purata nilai simpanan keseluruhan kedua-dua kawasan ialah RM4,139.43.

Ada 3 orang petani yang merupakan ‘penyimpan’ terbanyak. Nilai simpanan individu tertinggi di Kg. Tinangol ialah RM38,700 (23.7% nilai keseluruhan kampung) diikuti RM20,880 (12.8% nilai keseluruhan kampung). Nilai simpanan individu tertinggi di Kg. P/R/B pula ialah RM24,575 (28.8% nilai keseluruhan kampung).

Bolehlah dirumuskan bahawa, walaupun purata agihan tidak dapat menunjukkan situasi sebenar (seperti kelemahan dalam kaedah anggaran pendapatan perkapita) tetapi Jadual 5.7 telah menunjukkan bahawa amalan menyimpan memang terdapat di kalangan masyarakat petani khususnya kaum Rungus.

Persoalan yang patut ditimbulkan sekarang ialah adakah simpanan tersebut memang dengan niat untuk menyimpannya (untuk tujuan masa depan) atau barang-barang berkenaan berada dalam simpanan semata-mata kerana tuntutan adat (seperti hantaran perkahwinan dan pampasan) atau kerana ibu bapa telah mewariskan barang-barang tersebut dan si pewaris tidak ada pilihan kecuali menerima dan menyimpannya? Jawapan persoalan ini akan menjawab niat sebenar mereka terhadap amalan menyimpan.

Jadual 5.8 menunjukkan cara para responden memperolehi barang kebudayaan yang berada dalam simpanan mereka mengikut skor yang diberikan. Dapat diperhatikan bahawa kedua-dua kajian memberikan skor yang tinggi ke atas pemilikan melalui cara pembelian sendiri iaitu 69.5% di Kg. P/R/B berbanding 63.3% di Kg.

Tinangol. Pemilikan melalui pewarisan turut memainkan sumbangan penting iaitu 34.4% di Tinangol dan 30.4% di Kg. P/R/B. Pada keseluruhannya 66.9% meletakkan pembelian sendiri sebagai cara terpenting diikuti oleh cara pewarisan manakala harta hasil hantaran memainkan sumbangan yang sangat minimum iaitu hanya 1.3%.

Jadual 5.8
Cara Petani Memperolehi Pelbagai Jenis Peralatan Kebudayaan Yang Berada Dalam Simpanan Mereka Mengikut Keutamaan Pada 1996

Cara Perolehi^(a)	Kg. Tinangol		Kg. P/R/B		Jumlah	
	Skor	%	Skor	%	Skor	%
Diwarisi	31	34.4	21	30.4	52	33.1
Dibeli sendiri	57	63.3	48	69.5	105	66.9
Hantaran kahwin	2	2.2	-	-	2	1.3
Pampasan ('sogit', etc)	-	-	-	-	-	-
Hadiah	-	-	-	-	-	-
Jumlah	90	100	69	100	157	100

(a) Hanya harta bernilai RM100.00 ke atas yang diambil kira iaitu melibatkan 25 petani (83.3%) di Kg. Tinangol dan 21 petani (70%) di Kg. P/R/B.

Jadual ini jelas menunjukkan bahawa para petani memang mempunyai niat yang kuat untuk melakukan tabungan atau simpanan. Barang kebudayaan yang diwariskan pula memainkan dua peranan dalam hal ini. Sebahagian besar barang kebudayaan yang diwariskan biasanya disertai dengan wasiat agar barang tersebut dijadikan sebagai harta turun-menurun dan tidak boleh dijual kecuali disebabkan perkara-perkara yang amat mendesak umpamanya perkara yang melibatkan soal hidup dan mati. Barang seperti ini biasanya lebih mahal, mempunyai keistimewaan tersendiri dan menjadi kebanggaan ahli-ahli keluarga keturunan berkenaan. Hanya ahli keluarga tertentu yang diyakini boleh menjaga barang tersebut akan diberi kepercayaan untuk menjaga barang berkenaan.

Maka boleh juga dianggap, barang kebudayaan yang diperolehi melalui pewarisan juga adalah simpanan untuk kecemasan serius sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan modal dan keuntungan semata-mata.

Pada peringkat ini persoalan ada menyimpan atau tidak menyimpan sudah dijelaskan. Soalnya sekarang bagaimana pula sikap para petani terhadap simpanan dalam bentuk tunai iaitu simpanan yang lebih cair atau lebih mudah digunakan untuk tujuan modal, kecemasan dan sebagainya.

Simpanan Tunai

Jadual 5.9 menunjukkan bilangan petani yang mempunyai simpanan RM100.00 atau lebih di antara bulan April-Julai 1996 di kedua-dua kawasan kajian.

Jadual 5.9
Simpanan Wang Sebanyak (atau lebih) RM100.00
Dalam Tempoh Bulan April Hingga Julai 1996

Simpanan (RM 100)	Kg. Tinangol		Kg. P/R/B		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Ada	9	30	6	20	15	25
Tiada	21	70	24	80	45	75
Jumlah	30	100	30	100	60	100

Berbeza dengan kecenderungan mereka menyimpan peralatan kebudayaan (rujuk Jadual 5.7), didapati bahawa kedua-dua kawasan kajian menunjukkan nilai menyimpan tunai yang lebih rendah. Hanya 9 orang (30%) di Kg. Tinangol dan 6 orang (20%) di Kg. P/R/B yang mempunyai simpanan RM100.00 dalam tempoh tersebut manakala

peratus selebihnya (79%) dan 80%) menyatakan mereka tidak ada simpanan pada tempoh tersebut. Alasan tiada simpanan yang biasa diberikan ialah “tidak dapat menyimpan kerana wang lebih diperlukan untuk tujuan lain”.

Jadual 5.10
Tempat Petani Menyimpan Tunai Mengikut
Keutamaan Pada 1996

Tempat	Kg. Tinangol		Kg. P/R/B		Jumlah	
	Skor	%	Skor	%	Skor	%
Simpan sendiri	8	25.5	13	72.2	21	42.8
ASN/ASB	3	9.7	3	16.6	6	12.2
Amanah Saham Sabah	-	-	-	-	-	-
Bank	15	48.4	2	11.2	17	34.7
Pejabat Pos	5	16.1	-	-	-	-
Saham Koperasi	-	-	-	-	-	-
Jumlah	31	100	18	100	49	100

Jadual 5.10 menunjukkan keutamaan tempat menyimpan tunai oleh petani di kawasan kajian. Keutamaan tempat menyimpan tunai yang paling penting di Kg. Tinangol ialah di bank iaitu 48.4% diikuti oleh menyimpan sendiri (di rumah) 25.8% dan kemudian pejabat pos iaitu 16.1%. Berbanding dengan keutamaan di Kg. Tinangol, petani di Kg. P/R/B pula kebanyakannya lebih suka menyimpan tunai mereka di rumah (simpan sendiri) iaitu 72.2%, manakala melabur di Amanah Saham Nasional (ASN) atau Amanah Saham Bumiputera (ASB) menjadi keutamaan kedua yang walaupun sedikit iaitu hanya 16.6% tetapi lebih tinggi daripada keutamaan melabur di Kg. Tinangol yang

hanya 9.7%. Sementara keutamaan menyimpan wang di bank hanya merupakan tempat ketiga terpenting bagi Kg. P/R/B iaitu hanya 11.1%.

Selain daripada menunjukkan tempat keutamaan para petani menyimpan wang mereka, jadual ini juga menjelaskan bahawa amalan menyimpan di rumah menunjukkan para petani menyimpan wang mereka untuk tujuan-tujuan jangka pendek. Hanya 12.2% daripada keseluruhan simpanan di kedua-dua kawasan kajian dilaburkan dalam ASN atau ASB iaitu satu bentuk simpanan yang boleh dianggap mempunyai wawasan dan simpanan jangka panjang.

Keadaan ini menimbulkan dua kemungkinan iaitu, pertama, kemiskinan para petani (dalam soal kewangan) berada di peringkat di mana keperluan wang amat mendesak menyebabkan dalam masa yang sama mereka tidak mempunyai tabungan. Kemungkinan kedua pula ialah, kekurangan tabungan adalah disebabkan oleh sikap tidak mementingkan wang dan lebih suka menyimpan atau melabur dalam peralatan kebudayaan atau membelanjakan terus wang yang diperolehi tanpa memikirkan simpanan masa depan. Kemungkinan kedua ini mungkin dikukuhkan dengan andaian sesetengah petani bahawa wang mudah dicari (berbanding dengan padi) oleh itu tidak perlu disimpan.

Jawapan dua kemungkinan ini akan dapat dilihat dengan meneliti cara para petani membelanjakan wang mereka. Sekiranya para petani membelanjakan wang mereka kerana desakan keperluan harian serta perbelanjaan keluarga maka kemungkinan pertama adalah kesimpulan terbaik untuk menutup bahagian ini. Sebaliknya jika kebanyakan

tunai mereka dibelanjakan untuk tujuan-tujuan estetika (seperti membeli peralatan kebudayaan dan ‘ceremonial’) maka kemungkinan kedua adalah ungkapan terbaik untuk menjelaskan nilai dan motivasi para petani menyimpan tunai.

5.3.3 Amalan Perbelanjaan

Analisis amalan perbelanjaan para petani akan mengupas motivasi mereka dalam menentukan belanjawan mereka. Motivasi ini mungkin menjurus kepada tiga kategori keperluan umum berikut iaitu:

- (1) Keperluan harian dan keluarga (seperti bahan makanan, persekolahan anak-anak, kelengkapan rumah, pengangkutan dan kesihatan).
- (2) Keperluan pelaburan (seperti modal berniaga, pelaburan saham, keperluan ladang, mengusahakan atau membeli tanah dan ternakan).
- (3) Keperluan estetika (seperti membeli peralatan kebudayaan, ‘ceremonial’ dan membuat atau membesar rumah).

Jadual 5.11 menunjukkan bagaimana cara petani di kawasan kajian membelanjakan pendapatan tunai sebanyak RM100.00 yang diperolehi pada satu-satu masa. Dengan merujuk semula kepada tiga kategori keperluan umum yang dinyatakan lebih awal, dapat dilihat bahawa kedua-dua kawasan kajian memberikan keutamaan yang tinggi ke atas perbelanjaan harian keluarga (kategori 1) iaitu masing-masing 83.7% dan 90.6%. Perbelanjaan ke atas makanan menjadi keperluan terpenting iaitu hampir separuh daripada penggunaan keseluruhan tunai RM100.00 tersebut iaitu 44.1% di Kg. Tinangol dan 40% di Kg. P/R/B (jumlah keseluruhan ialah 42.3%). Perbelanjaan persekolahan anak-anak menjadi perhatian kedua penting di kedua-dua kawasan kajian iaitu 24.4%

dari pada jumlah keseluruhan. Manakala keinginan untuk menikmati keadaan hidup yang lebih baik dengan membeli kelengkapan rumah menjadi pilihan ketiga terpenting iaitu 10.4% di Kg. Tinangol dan 18.7% di Kg. P/R/B.

Jadual 5.11
Cara Petani Membelanjakan Pendapatan
Sebanyak RM100.00 Pada 1996

Cara Membelanjakan	Ktg.	Kg. Tinangol	Kg. P/R/B	Jumlah	
		Skor	%	Skor	%
Keperluan makanan	1	72	44.1	58	40
Persekolahan anak-anak	1	38	23.3	37	25.7
Kelengkapan rumah	1	17	10.4	27	18.7
Pinang/rokok/sirih	1	10	6.1	8	5.5
Lain-lain ^(a)	1	-	-	1	0.7
Jumlah kategori 1		137	83.7	131	90.6
Keperluan ladang	2	9	5.5	1	0.7
Simpanan/pelaburan	2	10	6.1	8	5.5
Modal	2	3	1.8	3	2.1
Jumlah kategori 2		22	13.4	12	8.3
Barang kebudayaan	3	3	1.8	-	-
Minuman tradisi	3	1	0.6	1	0.7
Jumlah kategori 3		4	2.4	1	0.7
Jumlah		163	100	144	100
(a) Keperluan lain adalah mengecas bateri, tambang dan minyak tanah.					
Ktg. = kategori					

Perbelanjaan berbentuk pelaburan atau simpanan hanya mendapat perhatian yang sedikit di kedua-dua kawasan kajian iaitu masing-masing 13.4% di Kg. Tinangol dan 8.3% di Kg. P/R/B. Mungkin pada jumlah pendapatan sebanyak RM100.00; keinginan untuk melabur atau menyimpan belum timbul lagi memandangkan masih ada keperluan lain yang lebih mendesak.

Perbelanjaan estetika seperti membeli barang kebudayaan dan minuman tradisi hanya diberi perhatian yang paling minimum (keseluruhan hanya 1.7%). Seperti perbelanjaan berbentuk pelaburan dan simpanan, para petani mungkin berfikir jumlah ini terlalu sedikit untuk tujuan perbelanjaan estetika.

Kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan Jadual 5.11 ialah, pengaruh ekonomi wang semakin kuat dalam kehidupan para petani. Bahan makanan yang dahulunya mereka keluarkan sepenuhnya (menanam padi, menangkap ikan, membuat garam, membuat ikan masin, memburu dan sebagainya) kini lebih mudah diperolehi dengan menggunakan wang. Selain daripada itu, keperluan perbelanjaan anak-anak yang bersekolah semakin menuntut perhatian iaitu perbelanjaan yang secara tradisionalnya langsung tidak mendapat perhatian. Kini ibu bapa (para petani) perlu melipatgandakan usaha mereka apabila lebih ramai anak bersekolah dan lebih tinggi anak mereka bersekolah. Seorang responden menyatakan "memberikan perbelanjaan kepada seorang anak di sekolah menengah sama bebannya dengan memberikan perbelanjaan kepada tiga orang anak yang bersekolah di sekolah rendah". Apabila pengkaji menyatakan anggaran jumlah perbelanjaan belajar di universiti, responden berkenaan menyatakan ia hanya akan menyekolahkan anaknya sampai tingkatan lima supaya boleh bekerja lebih awal. Hanya selepas pengkaji maklumkan adanya kemudahan biasiswa dan pinjaman barulah ia nampak lebih bersemangat menyekolahkan anak-anaknya.

Jadual berikut pula akan melihat bagaimana para petani akan membelanjakan wang mereka sekiranya mendapat 'durian runtuh' sebanyak RM10,000. Pengkaji percaya pilihan perbelanjaan mereka lebih terbuka kerana jumlah tunai yang terlibat lebih

banyak. Ini sedikit sebanyak akan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang wawasan mereka andainya mempunyai jumlah tunai tersebut.

Jadual 5.12
Cara Petani Membelanjakan Wang Sebanyak
RM10,000 Mengikut Keutamaan Pada 1996

Cara Membelanjakan	Ktg.	Kg.Tinangol		Kg. P/R/B		Jumlah	
		Skor	%	Skor	%	Skor	%
Makanan	1	11	7	5	3.7	16	5.5
Persekolahan anak-anak	1	19	12.1	9	6.6	28	9.6
Kelengkapan rumah	1	16	10.2	8	5.9	24	8.2
Jumlah kategori 1	46	29.3		22	16.2	68	23.2
Simpan di Bank	2	39	24.8	40	29.4	79	27
Melabur dalam ASN/ASB	2	3	1.9	2	1.5	5	1.7
Modal bermiaga	2	32	20.4	39	28.7	76	26
Beli tanah	2	13	8.3	4	2.9	17	5.8
Usahakan tanah	2	5	3.2	5	3.7	10	3.4
Jumlah kategori 2	92	58.6		90	66.2	182	62.1
Bina/besarkan rumah	3	19	12.1	22	16.1	41	14
Melancong	3	-	-	2	1.5	2	0.7
Jumlah kategori 3	19	12.1		24	17.6	43	14.7
Jumlah		157	100	136	100	293	100

Ktg. = kategori

Jadual 5.12 menunjukkan cara para petani membelanjakan pendapatan sebanyak RM10,000 yang diperolehi pada satu masa di kedua-dua kawasan kajian. Berbanding dengan cara mereka membelanjakan wang sebanyak RM100 keutamaan kini ialah perbelanjaan berbentuk pelaburan dan simpanan. Separuh (53%) daripada jumlah keseluruhan menyatakan keinginan untuk menyimpan di bank (27%) atau menjadikannya modal bermiaga (26%). Manakala perbelanjaan dari jumlah keutamaan keseluruhan berbentuk pelaburan yang lain ialah membeli tanah (5.8%), mengusahakan tanah (3.4%) dan melabur di ASN/ASB (1.7%). Lebih ramai di Kg. P/R/B (66.2%) yang menyatakan kesediaan untuk menyimpan atau melaburkan wang mereka berbanding di Kg. Tinangol

yang cuma 58.6% menyatakan kesediaan berbuat demikian. Bagaimanapun keinginan untuk membeli tanah lebih tinggi di Kg. Tinangol iaitu 8.3% berbanding 5.8% di Kg. P/R/B. Keadaan ini menunjukkan bahawa persekitaran yang lebih membangun (di Kg.Tinangol) tidak semestinya menimbulkan minat yang luar biasa untuk memulakan kegiatan ekonomi lain khususnya bermiaga. Dapat dilihat bahawa keinginan untuk menggunakan wang tersebut untuk bermiaga hanya 20.4% di Kg. Tinangol berbanding 28.7% di Kg. P/R/B.

Perbelanjaan harian dan keperluan keluarga keseluruhan menjadi keutamaan kedua penting iaitu 23.2% dengan 29.3% di Kg. Tinangol berbanding hanya 16.2% di Kg. P/R/B meletakkan perbelanjaan jenis ini sebagai keutamaan mereka. Kedua-dua kawasan kajian meletakkan perbelanjaan persekolahan anak-anak sebagai terpenting dalam kategori ini (9.6%) manakala makanan (5.5%) kurang mendapat perhatian berbanding dengan membeli kelengkapan rumah (8.2%). Perbelanjaan untuk persekolahan anak-anak (seperti membeli buku dan keperluan di sekolah) yang lebih tinggi di Kg. Tinangol iaitu 12.1% berbanding hanya 6.6% di Kg. P/R/B menunjukkan kesedaran tentang pentingnya pendidikan lebih tinggi di Kg. Tinangol. Kurangnya kesedaran ini di Kg. P/R/B mungkin disebabkan oleh sejarah pendidikan moden di kawasan ini hanya bermula pada pertengahan 1980an berbanding dengan sekolah di Kg. Tinangol yang bermula sejak 1960.

Sementara itu perbelanjaan berbentuk estetika mendapat perhatian ketiga terpenting daripada jumlah keseluruhan di kedua-dua kawasan. Para petani di kedua-dua

kawasan menyatakan keinginan untuk membina atau membesarkan rumah yang sedia ada iaitu 12.1% di Kg. Tinangol dan 16.1% di Kg. P/R/B.

Bagaimanapun dalam realiti para petani mungkin tidak akan berpeluang untuk menikmati ‘durian runtuh’ sebanyak RM10,000 pada satu-satu masa. Jadual 5.11 dan 5.12 hanya menunjukkan satu situasi untuk melihat apakah tindakbalas mereka sekiranya mempunyai wang sejumlah itu. Seterusnya akan mengupas persoalan keutamaan, kesedaran, matlamat dan keinginan mereka dalam kehidupan seharian. Jadual 5.11 dan 5.12 menunjukkan bahawa golongan petani juga pada umumnya tahu meletakkan kepentingan yang seharusnya diutamakan dalam perbelanjaan mereka. Bagaimanapun dalam keadaan sebenar mereka mungkin terpaksa berhutang untuk memenuhi keperluan-keperluan tertentu.

Analisis terhadap aspek ini (berhutang) akan memberikan gambaran yang lebih realistik tentang bagaimana para petani mengatur perbelanjaan tunai mereka. Kekerapan dan nilai hutang akan menunjukkan sejauhmana kepentingan tunai berlaku di kedua-dua kawasan kajian.

Jadual 5.13 menunjukkan kekerapan berhutang para petani di kedua-dua kawasan kajian. Dapat diperhatikan bahawa 79.9% petani di Kg. P/R/B mengaku samada jarang atau tidak pernah berhutang berbanding hanya 43% di Kg. Tinangol. Kg. Tinangol juga mencatatkan peratus kerap berhutang yang lebih tinggi (sekurang-kurangnya sekali setiap dua minggu) iaitu 33.3% berbanding hanya 20% di Kg. P/R/B. Selain daripada itu Kg. Tinangol juga mencatatkan peratusan yang lebih tinggi ke atas kekerapan sekali setiap

tiga atau empat minggu iaitu 23.3% berbanding hanya 10% di Kg. P/R/B. Kekerapan berhutang di Kg. Tinangol menunjukkan perbelanjaan mereka semakin dipengaruhi oleh keperluan tunai berbanding dengan para petani di Kg. P/R/B. Sebaliknya ramai petani di Kg. P/R/B yang masih menikmati kehidupan tradisional yang pada umumnya masih kurang bergantung kepada keperluan tunai.

Walau bagaimanapun pada keseluruhannya, peratus yang jarang atau tidak pernah berhutang masih tinggi iaitu 56.7% berbanding yang kerap berhutang (sekurang-kurangnya sekali setiap dua minggu) yang berjumlah 26.7%. Ini menunjukkan bahawa petani di kedua-dua kawasan kajian pada umumnya semakin merasakan kepentingan tunai dalam mengatur perbelanjaan mereka.

Jadual 5.14 adalah lanjutan daripada Jadual 5.13. Jadual ini menunjukkan anggaran nilai setiap kali para petani berhutang. Jadual ini bagaimanapun tidak menunjukkan perbezaan yang nyata di antara dua kawasan kajian pada setiap kategori anggaran nilai. Walau bagaimanapun, kedua-dua kawasan menunjukkan peratusan tinggi ke atas nilai hutang melebihi RM20.00 dan seterusnya iaitu 48.3% di Kg. Tinangol dan 50% di Kg. P/R/B. Peratus nilai hutang yang kedua tertinggi di kedua-dua kawasan kajian ialah kategori anggaran nilai di antara RM1.00 hingga RM10.00 iaitu 34.5% di Kg. Tinangol dan 31.8% di Kg. P/R/B. Manakala kategori nilai di antara RM11.00 hingga RM20.00 hanya 17.2% di Kg. Tinangol dan 18.1% di Kg. P/R/B. Jadual 5.14 memberikan satu gambaran bahawa ada dua kecenderungan berhutang di kalangan para petani di kawasan kajian, iaitu samada berhutang kurang daripada RM10.00 atau berhutang lebih daripada RM20.00 (hingga RM100.00). Pengkaji menjangkakan bahawa

tujuan mereka berhutang dipengaruhi oleh keinginan-keinginan jangka pendek dan jangka panjang.

Jadual 5.13
Kekerapan Petani Berhutang Pada 1996

Kekerapan Berhutang	Kg. Tinangol Bil.	Kg. Tinangol %	Kg. P/R/B Bil.	Kg. P/R/B %	Jumlah Bil.	Jumlah %
1 kali seminggu	6	20	2	6.7	8	13.3
1 kali - 2 minggu	4	13.3	4	13.3	8	13.3
1 kali - 3/4 minggu	7	23.3	3	10	10	16.7
Sangat jarang	12	40	13	53.3	25	41.7
Tidak pernah	1	3.3	8	26.6	9	15
Jumlah	30	100	30	100	60	100

Jadual 5.14
Anggaran Nilai Hutang Setiap Kali Berhutang Pada 1996^(a)

Anggaran Nilai (Ringgit Malaysia)	Kg. Tinangol Bil.	Kg. Tinangol %	Kg. P/R/B Bil.	Kg. P/R/B %	Jumlah Bil.	Jumlah %
1.00 - 5.00	5	17.2	2	9.1	7	13.7
6.00 - 10.00	5	17.2	5	22.7	10	19.6
11.00 - 15.00	3	10.3	1	4.5	4	7.8
16.00 - 20.00	2	6.9	3	13.6	5	9.8
Lebih 21.00	4	13.8	5	22.7	9	17.6
Lebih 50.00	5	17.2	4	18.2	9	17.6
Lebih 100.00	5	17.2	2	9.1	7	13.7
Jumlah	29	100	22	100	51	100

^(a)Peratus diberikan berdasarkan jumlah petani yang mengaku pernah berhutang sahaja.

Jadual 5.15
Sebab Petani Terpaksa Berhutang Mengikut
Keutamaan Pada 1996

Sebab Berhutang	Kg. Tinangol	Kg. P/R/B	Jumlah	
	Skor	%	Skor	%
Makanan	70	53.8	31	32.6
Persekolahan anak	27	20.7	29	30.5
Pinang/rokok	3	2.3	17	17.9
Pengangkutan	-	-	2	2.1
Kelengkapan rumah	-	-	2	2.1
Jumlah Kategori 1	100	76.9	81	85.3
Keperluan ladang	7	5.4	-	-
Modal bermiaga	7	5.4	3	3.1
Membeli ternakan	-	-	2	2.1
Jumlah Kategori 2	14	10.7	5	5.2
Barangan budaya	8	6.2	-	-
Keperluan sosial ^(a)	4	3.1	3	3.1
Jumlah Kategori 3	12	9.3	3	3.1
Kep. kecemasan	4	3.1	6	6.3
Jumlah	130	100	95	100
			225	100

^(a)Keperluan sosial adalah seperti mengadakan majlis perkahwinan, harijadi dan membeli minuman tradisional.

Ada beberapa perkara menarik yang ditunjukkan dalam Jadual 5.15. Pertama, ada dua sebab penting yang menyebabkan para petani berhutang iaitu pembelian keperluan makanan berjumlah 53.8% di Kg. Tinangol dan 32.6% di Kg. P/R/B. Sebab kedua penting di kedua-dua kawasan kajian ialah keperluan perbelanjaan untuk persekolahan iaitu 20.7% di Kg. Tinangol dan 30.5% di Kg. P/R/B. Kedua-dua sebab ini sahaja mencatatkan jumlah 74.6% di Kg. Tinangol dan 69.8% di Kg. P/R/B. Jika merujuk semula kepada jangkaan awal pengkaji dalam Jadual 5.14, pengamatan pengkaji menunjukkan bahawa keperluan jangka pendek adalah keperluan makanan seperti membeli garam, ‘ajinomoto’, minyak masak, ikan, bawang, makanan dalam tin, ber?

daging dan sebagainya yang pada umumnya boleh diperolehi dengan harga yang kurang daripada RM10.00 (kecuali membeli dengan kuantiti yang banyak). Manakala kekerapan nilai hutang lebih daripada RM10.00 (dalam Jadual 5.14) sedikit sebanyak menjelaskan betapa mendesaknya keperluan perbelanjaan persekolahan anak-anak

Berbanding dengan wawasan mereka dalam Jadual 5.12 (mendapat RM10,000), keutamaan mereka berbelanja kini tertumpu kepada perbelanjaan kategori pertama iaitu perbelanjaan harian dan keperluan keluarga iaitu jumlah keseluruhannya 80.4%. Sebab berhutang kerana perbelanjaan berbentuk pelaburan pula hanya berjumlah 8.4% manakala berhutang untuk memenuhi keperluan estetika hanya berjumlah 6.7%.

Seperkara lagi yang menarik perhatian ialah keperluan pinang/rokok begitu menonjol sekali bagi Kg. P/R/B berbanding dengan sebab-sebab berhutang yang lain iaitu 8.9%. Jelasnya sebab ini menduduki tempat ketiga dari jumlah keseluruhan malah lebih tinggi daripada seluruh jumlah perbelanjaan kategori dua iaitu 8.4%. Ini menjelaskan bahawa dalam keadaan terdesak sekalipun (apabila terpaksa berhutang) para petani masih mempunyai agenda-agenda keperluan lain yang umumnya langsung tidak mendapat kepentingan dalam pemikiran masyarakat yang lebih moden. Sebenarnya ada beberapa bahan yang terlibat dalam keperluan ini iaitu tembakau (untuk rokok), daun sirih untuk dimakan bersama pinang, pinang muda atau tua, rokok daun dan pemetik api (biasanya untuk lelaki sahaja) dan kapur sirih. Hampir semua bahan ini perlu dibeli dan harganya pula meningkat dengan mendadak sejak kebelakangan ini. Misalnya segulung tembakau sebesar bateri bersaiz besar (bateri sel) berharga RM2.00 berbanding RM1.00 (dengan gulungan yang lebih besar) pada 1994. Pinang muda pula yang dahulu boleh diperolehi secara percuma, kini terpaksa dibeli kerana permintaan yang tinggi. Ada

penjual di *tamu* Sikuati dan *tamu* Matunggung yang sanggup pergi membeli pinang muda secara borong di Kota Belud untuk memenuhi permintaan. Hasilnya harga sebiji pinang muda ialah di antara RM0.04 hingga 0.06 sen sebiji atau setiap empat biji pinang muda sama harganya dengan sebiji kelapa tua yang telah dikupas (RM0.20). Kini terdapat segelintir masyarakat Rungus (di luar kawasan kajian) yang mula mengusahakan penanaman tembakau dan pinang kerana sebelum ini kebanyakan tembakau diperolehi daripada penanam di kampung-kampung sekitar Kota Marudu.

Walaupun pinang merupakan tanaman yang boleh ditanam sekurang-kurangnya untuk memenuhi keperluan sendiri, para petani di kawasan kajian tidak mengambil perkara ini secara serius. Sebaliknya mereka lebih suka bergantung kepada orang luar untuk membekalkan mereka dengan keperluan tersebut. Pokok pinang sebenarnya amat mudah ditanam malah boleh tumbuh secara sendiri. Mungkin disebabkan sifat pinang yang mudah tumbuh ini menyebabkan mereka tidak berinisiatif untuk menanamnya secara besar-besaran. Ini menyebabkan bekalan sering kurang dan tidak tetap.

Kesimpulan yang boleh dibuat dalam bahagian analisis pola perbelanjaan ini ialah para petani masih meletakkan soal perbelanjaan tunai sebagai hanya sebahagian daripada kegiatan ekonomi mereka. Kegiatan utama masih ditumpukan kepada kegiatan pengeluaran makanan melalui pertanian pindah. Usaha-usaha yang serius untuk mencari sumber kewangan semata-mata khususnya dalam bidang pertanian hanya dilakukan secara sambilan sahaja sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 5.16 (rujuk juga Jadual 4.17)

Walau bagaimanapun, desakan keperluan perbelanjaan tunai tetap tidak dapat dielakkan. Keperluan perbelanjaan yang paling penting tertumpu pada keperluan harian dan pembiayaan persekolahan anak-anak (lihat Jadual 5.11 dan 5.15).

Jadual 5.16
Cara Petani (Sumber) Membayar Hutang Yang
Melebihi RM10.00 Mengikut Keutamaan Pada 1996.^(a)

Sumber	Kg. Tinangol Skor	Kg. Tinangol %	Kg. P/R/B Skor	Kg. P/R/B %	Jumlah Skor	Jumlah %
Kerja (upah harian)	42	38.9	12	15	54	34.8
Bantuan anak	12	11.1	-	-	12	6.4
Menjual barang budaya	6	5.5	3	3.7	9	4.8
Pertanian/ternakan ^(b)	10	9.3	37	46.3	47	25
Kraftangan	27	25	28	35	55	29.3
Elaun ^(c)	6	5.5	-	-	6	3.2
Pelancungan ^(d)	2	1.9	-	-	2	1.1
Kedai runcit ^(e)	3	2.8	-	-	3	1.6
Jumlah	108	100	80	100	188	100

^(a) Tidak melibatkan petani yang tidak pernah berhutang dan berhutang kurang RM10.00

^(b) Termasuk menjual air nira (*tuak*) iaitu 2.5% di Kg. P/R/B.

^(c) Elaun meliputi saguhati pengurus JKJKK, Ketua Kampung dan bantuan Jabatan Kebajikan untuk orang-orang tua berumur 60 tahun ke atas.

^(d) Sewa bilik rumah panjang pelancongan di Kg. Tinangol (Kg. Bavanggazo).

^(e) Terdapat juga seorang petani di Kg. Tinangol yang membuka kedai runcit secara sambilan.

Kurangnya perbelanjaan berbentuk pelaburan menunjukkan kegiatan pertanian pindah tetap akan diteruskan oleh para petani generasi sekarang. Perkara ini juga menjelaskan sebab amalan pertanian pindah terus berlaku. Jika kegiatan pertanian pindah mahu ditinggalkan, perbelanjaan berbentuk pelaburan seperti membeli ternakan,

menanam tanaman komersial (selain kelapa) dan membina kolam ikan harus ditingkatkan.

Satu-satunya perbelanjaan mereka yang boleh dianggap sebagai pelaburan untuk masa depan (pertimbangan jangka panjang) ialah pembiayaan yang diberikan ke atas persekolahan anak-anak mereka. Walaupun kejayaan anak-anak dalam pendidikan tidak diberikan jaminan, tetapi sekurang-kurangnya penekanan yang diberikan ke atas pembiayaan persekolahan menunjukkan kesedaran mereka tentang pentingnya pendidikan untuk menjamin masa depan anak-anak.

5.3.4 Sikap dan Penerimaan Terhadap Inovasi

Petani tradisional sering dikaitkan dengan sikap kekurangan inovasi untuk meningkatkan produktiviti kegiatan pertanian mereka. (Rogers 1965; Mellor 1965; Parkinson 1967). Sikap ini antara lain mengaitkan petani dengan sikap fatalistik iaitu lebih berserah kepada nasib serta tidak mahu mengambil risiko dengan mencuba sesuatu yang baru.

Pendeknya masyarakat tradisional ‘miskin’ kerana tidak mengamalkan nilai-nilai yang diamalkan oleh masyarakat moden. Menurut Webster (1984), terdapat tiga perkara yang menggambarkan amalan masyarakat tradisional iaitu:

- (1) Masyarakat tradisional lebih dipengaruhi oleh nilai-nilai tradisional dan budaya mereka serta kurang keupayaan menyesuaikan diri dengan keadaan baru.

- (2) Hubungan persanakan sangat penting dalam kedudukan ekonomi, politik dan sistem adat. Oleh itu kedudukan seseorang adalah diwarisi (ascribe) dan bukannya dicapai (achieve). Status hanya meningkat apabila kedudukan keluarga itu meningkat.
- (3) Anggota masyarakat tradisional mempunyai sikap emosional, ‘superstitious’ serta mempunyai sikap ‘berserah’ (fatalistik) terhadap alam sekitarnya. Mengamalkan sikap seperti ‘biarkanlah apa yang berlaku’ dan ‘inilah kebiasaan kami membuatnya’.

(terjemahan)

Secara perbandingan, masyarakat moden pula mempunyai tiga gambaran yang bertentangan dengan sikap dan nilai masyarakat tradisional.

- (1) Masyarakat moden masih mempunyai tradisi tetapi akan bertindak mengubahnya jika perlu.
- (2) Ikatan keluarga yang semakin lemah kerana faktor geografi dan mobiliti menyebabkan kedudukan individu ditentukan oleh usahanya sendiri bukan kedudukan keluarganya.
- (3) Anggota masyarakat moden tidak suka ‘berserah pada nasib’. Mereka berpandangan jauh dan inovatif, sanggup menempuh rintangan untuk berjaya seperti dalam perniagaan, mempunyai semangat keusahawanan yang tinggi serta bersikap rasional dan menggunakan pendekatan saintifik.

(terjemahan)

Berbalik kepada isu di kawasan kajian, adalah jelas bahawa kedua-dua kawasan adalah terdiri daripada masyarakat tradisional. Bagaimanapun perbezaan tahap kemajuan dan pembangunan yang sedang dialami mungkin akan memberikan gambaran tentang pendekatan yang mereka amalkan berhubung dengan isu-isu inovasi. Pendekatan mereka

ini akan memberikan gambaran langsung terhadap keberkesanan pembangunan atau perubahan (khususnya dalam bidang pertanian) yang mahu dijalankan di kawasan kajian.

Kesanggupan Menukar Pekerjaan

Sebelum melihat lebih lanjut tentang kesediaan para petani menerima inovasi, perkara asas yang perlu diketahui ialah kesanggupan mereka menerima perubahan dalam kegiatan ekonomi mereka.

Jadual 5.17 menunjukkan keinginan petani untuk menukar pekerjaannya (sebagai petani) pada masa depan. Kedua-dua kawasan kajian menunjukkan bahawa lebih separuh petani tidak berminat untuk menukar pekerjaan mereka. Peratusan yang tidak mahu menukar pekerjaan adalah lebih tinggi di Kg. P/R/B iaitu 20 orang (66.7%) berbanding 16 orang (53.3%) di Kg. Tinangol. Perbezaan yang paling jelas ialah 12 orang (40%) di Kg. Tinangol berminat untuk menukar pekerjaan mereka berbanding hanya 5 orang (16.7%) di Kg. P/R/B. Kesimpulan awal yang boleh dibuat ialah petani-petani di Kg. Tinangol mempunyai lebih banyak kesediaan untuk menukar pekerjaan mereka andainya ada peluang untuk berbuat demikian terutamanya petani-petani yang berumur kurang 40 tahun dan awal 40an. Sebaliknya petani yang dalam pertengahan 40an dan seterusnya cenderung untuk meneruskan kegiatan ini. Bagaimanapun pada pendapat pengkaji faktor umur kurang mempengaruhi keputusan mereka. Kg. Tinangol misalnya ada dua orang petani yang dalam lingkungan umur 30 tahun menyatakan keengganan untuk bertukar kerjaya sebaliknya tiga petani dalam lingkungan umur 50an menyatakan minat untuk bertukar kerjaya sekiranya berpeluang berbuat demikian.

Jadual 5.17
Cita-cita Petani Untuk Menukar Pekerjaan Secara
Jangka Pendek Atau Jangka Panjang Pada 1996

Cita-cita	Kg. Tinangol			Kg. P/R/B			Jumlah		
	Bil.	%	P.u	Bil.	%	P.u	Bil.	%	P.u
Mahu tukar pekerjaan	12	40	41.6	5	16.7	40	17	28.3	41.2
Tidak mahu tukar	16	53.3	48	20	66.7	43.5	36	60	45.5
Tidak pasti	2	6.7	30	3	10	23.3	5	8.3	26
Tidak berkenaan	-	-		2 ^(a)	6.7	80	2	3.3	80
Jumlah	30	100		30	100		60	100	

P.u = Purata umur

^(a)Petani ini adalah *bobolizan* yang sudah uzur (tidak bertani lagi). Berumur masing-masing lebih 80 tahun.

Jadual 5.18
Keinginan Petani Untuk Mewariskan Pekerjaan
Sebagai Petani Pindah Kepada Anak-anak Pada 1996

Keinginan	Kg. Tinangol		Kg. P/R/B		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Mahu anak teruskan	15	50	13	46.4	28	46.5
Tidak mahu	15	50	15	53.6	30	51.7
Tidak berkenaan	-	-	2 ^(a)	-	2	-
Jumlah	30	100	30	100	60	100

^(a)Tidak terlibat dalam pengiraan peratusan

Dapat dibuat kesimpulan bahawa pada umumnya masih terdapat keinginan untuk meneruskan kegiatan pertanian pindah. Malah keinginan ini berpotensi untuk turut melibatkan anak-anak mereka. Jadual 5.18 menunjukkan separuh petani tidak mahu anak mereka meneruskan pekerjaan petani pindah iaitu 50% di Kg. Tinangol dan 53.3% di Kg.

P/R/B. Sebaliknya separuh lagi iaitu 50% di Kg. Tinangol dan 46.4 % di Kg. P/R/B mahu anak mereka meneruskan pekerjaan petani pindah dengan kebanyakan mereka meletakkan beberapa situasi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.19.

Jadual 5.19 menunjukkan alasan petani mengenai keinginan mereka samada mahu atau tidak mahu anak mereka menjadi petani. Di kalangan petani yang mahu anak mereka meneruskan pekerjaan petani, dua alasan yang paling kerap diberikan iaitu masing-masing mencatatkan 32.1% daripada peratus keseluruhan. Alasan pertama ialah mereka mahu anak-anak menjadi petani pindah hanya sekiranya mereka gagal dalam pelajaran mereka. Ini bermakna, sekiranya anak berkenaan berjaya dalam pelajarannya, ibu bapa akan memberikan lebih peluang kepada anak tersebut membentuk kerjayanya. Peratusan yang memberikan alasan sedemikian ialah 33.3% di Kg. Tinangol dan 30.7% di Kg. P/R/B.

Alasan kedua ialah, pertanian pindah menjamin makanan sentiasa mencukupi. Di Kg. Tinangol, 26.7% dan 38.5% di Kg. P/R/B yang berpendapat demikian. Alasan bahawa pertanian pindah tidak memerlukan biaya yang tinggi untuk mempelajarinya (tidak seperti pendidikan sekular) merupakan alasan ketiga penting dengan jumlah keseluruhan 14.5%. Alasan-alasan seperti untuk meneruskan kebudayaan, bertani pindah sebagai pendapatan sampingan, mengajar anak berdikari dan lebih baik mengusahakan tanah merupakan antara alasan-alasan lain yang turut disentuh.

Jadual 5.19
Alasan Petani Mahu Atau Tidak Mahu Anak Mereka
Mewarisi Pekerjaan Sebagai Petani Pada 1996

Alasan mahu/tidak mahu	Kg. Tinangol		Kg. P/R/B		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Alasan Mahu						
Jika tercicir sahaja ^(a)	5	33.3	4	30.7	9	32.1
Menjamin makanan	4	26.7	5	38.5	9	32.1
Tidak perlu pendidikan ^(b)	2	13.3	2	15.4	4	14.3
Meneruskan kebudayaan	1	6.7	1	7.7	2	7.1
Sebagai pendapatan tambahan	1	6.7	1	7.7	2	7.1
Supaya pandai berdikari	1	6.7	-	-	1	3.6
Lebih baik kerjakan tanah	1	6.7	-	-	1	3.6
Jumlah mahu	15	100	13	100	28	100
Alasan tidak mahu						
Gunakan pelajaran ^(d)	11	73.3	9	60	20	66.7
P.pindah penat/sukar	2	13.3	3	20	5	16.7
P.pindah-berpendapatan rendah	2	13.3	2	13.3	4	13.3
Anak pasti tidak minat	-	-	1	6.7	1	3.3
Jumlah tidak mahu	15	100	15	100	30	100
Tidak berkenaan	-	-	2 ^(e)	-	2	-
Jumlah	30		30		30	

^(a) Jika anak berkenaan gagal dalam pelajaran. Jika lulus, tidak digalakkan jadi petani.

^(b) Kerja sebagai petani tidak perlukan pendidikan dan biaya tinggi.

^(c) Anak-anak mesti teruskan tetapi hanya sebagai pendapatan tambahan.

^(d) Jika anak ada pelajaran, maka lebih baik mencari pekerjaan.

^(e) Tidak termasuk dalam pengiraan peratusan.

Sebaliknya petani yang tidak mahu anak mereka meneruskan pekerjaan pertanian pindah mempunyai tiga alasan sahaja. Alasan terpenting ialah adalah lebih baik bagi anak-anak mereka menggunakan pelajaran yang mereka perolehi untuk mencari pekerjaan lain mengikut kelayakan mereka. Di Kg. Tinangol 73.3% dan 60% di Kg. P/R/B beralasan demikian. Alasan lain di Kg. Tinangol ialah pertanian pindah berpendapatan rendah (13.3%), sukar dan memenatkan (13.3%). Peratusan alasan ini

sama di Kg. P/R/B kecuali 20% yang menyatakan kesukaran dan memenatkan sebagai alasan mereka.

Prestasi anak-anak dalam pelajaran mereka memainkan peranan penting dalam menentukan kemahuan ibu bapa berhubung dengan ‘pewarisan’ pekerjaan sebagai petani pindah kepada anak-anak mereka. Faktor pelajaran sahaja sebenarnya mempengaruhi pendapat 53.5% penduduk di Kg. Tinangol (11 tidak mahu dan 5 mahu) dan 46.4% di Kg. P/R/B (9 tidak mahu dan 4 mahu).

Mesej yang paling jelas ditunjukkan dalam Jadual 5.18 dan 5.19 ialah masih terdapat kecenderungan di kalangan petani untuk meneruskan pekerjaan pertanian pindah. Berdasarkan kenyataan bahawa walaupun ada di antara mereka yang berminat untuk menukar pekerjaan dan menceburji bidang lain sebagai alternatif ekonomi tetapi niat ini mungkin terpaksa dilupakan berdasarkan masalah-masalah yang mereka hadapi. Misalnya, daripada sembilan orang di kedua-dua kawasan kajian yang mempunyai rancangan untuk menukar pekerjaan mereka, lapan daripadanya atau 88.9% mengadu mempunyai masalah modal untuk berbuat demikian. Dalam hal ini, pendapat yang mengatakan bahawa petani pindah mempunyai sifat yang konservatif terhadap perubahan sedikit sebanyak mempunyai kebenarannya. Sikap ini terbawa-bawa kepada keinginan sesetengah di antara mereka yang mahu melihat anak-anak turut menjadi petani pindah. Bagaimanapun peluang pendidikan yang semakin mudah diperolehi memberikan harapan baru kepada mereka agar anak-anak mereka mempunyai kedudukan ekonomi yang lebih baik dan sikap konservatif ini semakin hilang terutama di kalangan petani yang lebih muda.

Jadual 5.20
Pekerjaan Selain Pertanian Pindah Yang Mahu Diceburi Oleh
Petani Pada 1996 (Rujuk juga Jadual 5.17)

Pekerjaan	Kg. Tinangol			Kg. P/R/B			Jumlah		
	Bil.	%	St	Bil.	%	St	Bil.	%	St
Berniaga ^(a)	1	8.3	1S	1	20	1B	2	11.7	2B
Menternak ^(b)	7	58.3	2S/5B	3	60	1S/2B	10	58.8	3S/7B
Pertanian ^(c)	1	8.3	1S	1	20	1B	2	11.7	1S/1B
Kraftangan ^(d)	3	25	3S	-	-	-	3	17.6	3S
Jumlah	12	100	7S/5B	5	100	1S/4B	17	100	7S/9B

St = Status kerja

S = Sudah dimulakan

B = Belum dimulakan

(a) Termasuk perniagaan runcit, jual ikan, dan lain-lain.

(b) Menternak ayam, itik, babi, kambing, dan lain-lain.

(c) Menanam sayur, koko, buah-buahan, dan lain-lain.

(d) Kraftangan atau pertukangan sepenuh masa

Jadual 5.20 menunjukkan beberapa bidang pekerjaan yang mahu diceburi oleh para petani secara sepenuh masa sekiranya mereka mempunyai faktor pengeluaran (terutama modal) yang mencukupi. Daripada jenis-jenis pekerjaan yang dipilih oleh petani, dapat dilihat bahawa kesemuanya adalah pekerjaan yang berorientasikan tunai. Dapat diperhatikan bahawa kedua-dua kawasan kajian meletakkan pekerjaan menternak sebagai pilihan utama mereka iaitu 58.3% di Kg. Tinangol dan 60% di Kg. P/R/B. Pekerjaan-pekerjaan lain seperti berniaga, bercucuk tanam secara komersial dan kraftangan sepenuh masa hanya mendapat perhatian yang sedikit.

Kemampuan Mengambil Risiko dan Menerima Perubahan

Satu lagi perkara yang sering dikaitkan dengan kemiskinan petani pindah ialah kurangnya keupayaan mereka mengambil risiko. Amalan ini sudah tentu akan

menghalang perubahan kerana mereka lebih suka melanjutkan kaedah-kaedah ekonomi yang diwarisi secara tradisional. (Myren 1964; Strassman, 1964: 161; Mellor, 1965).

Pengkaji cuba melihat keadaan ini di kedua-dua kawasan kajian dengan membina satu situasi yang mana diandaikan tindakan atau pilihan tindakan petani akan dipengaruhi oleh tahap kesanggupannya mengambil risiko demi mendapat keuntungan atau pulangan yang lebih baik.

Pertama, pengkaji menyenaraikan butir-butir penting mengenai satu ‘tanaman baru’ sebagai makluman untuk petani membuat keputusannya. Butir-butir tanaman baru tersebut ialah:

1. Pendapatan bersih (tunai) adalah tiga kali ganda hasil padi bukit.
2. Perlu baja dan racun serangga tetapi subsidi baja dan racun diberikan pada tahun pertama menanam.
3. Modal pengurusan, penyediaan tapak dan benih diberikan secara percuma pada tahun pertama menanam.
4. Memerlukan penjagaan yang lebih rapi daripada padi bukit seperti membaja, merumput, meracun serangga, dan lain-lain.
5. Pasaran hasil tanaman adalah dijamin.
6. Kerosakan tanaman tidak akan diberi gantirugi.

SYARAT MENYERTAI:

- 1. Tidak dibenarkan menanam padi bukit semasa menyertai projek ini.**

Petani ditanya apa tindakan mereka sekiranya diberi peluang menanam tanaman baru tersebut yang mana pada pandangan petani mempunyai tiga kelebihan (pendapatan tinggi, modal disediakan, pasaran dijamin) dan tiga kelemahan (perlu membaja/meracun, penjagaan yang sukar, kerosakan tidak diganti). Petani juga diminta menjelaskan alasan tindakan mereka.

Jadual 5.21 menunjukkan tindakan yang akan diambil oleh para petani di kedua-dua kawasan kajian sekiranya diberi peluang menanam tanaman baru tersebut. Kedua-dua kawasan mencatatkan peratus tertinggi untuk tindakan akan mencuba tanaman baru dan akan mengabaikan penanaman padi bukit iaitu 13 orang (43.3%) di Kg. Tinangol dan 12 orang (40%) di Kg. P/R/B. Peratus kedua tertinggi di kedua-dua kawasan kajian ialah tindakan untuk cuba menanam tanaman baru tetapi dalam masa yang sama mereka mahu menanam padi bukit secara diam-diam atau curi-curi iaitu masing-masing 8 orang (26.7%) di kedua-dua kawasan kajian. Tindakan ketiga penting dari jumlah keseluruhan ialah tidak menanam tanaman baru dan menanam padi bukit sahaja. Peratus keseluruhan tindakan ini ialah 20%. Terdapat juga petani yang bersikap tunggu dan lihat (10%).

Tidak ada perbezaan yang jelas di antara kedua-dua kawasan ini yang menunjukkan kedua-dua kawasan mempunyai sentimen yang hampir sama berhubung dengan peluang menanam tanaman baru tersebut. Pada keseluruhannya hanya 41.7% yang sanggup menerima risiko demi mendapat pulangan yang lebih baik manakala

56.7% lagi masih ragu-ragu untuk mencuba tanaman baru tersebut atau tidak mencuba langsung.

Jadual 5.21
Tindakan Para Petani Sekiranya Diberi Peluang Menanam ‘Tanaman Baru’

Tindakan	Kg. Tinangol			Kg. P/R/B			Jumlah		
	Bil.	%	P.u	Bil.	%	P.u	Bil.	%	P.u
Tidak tanam tanaman baru/ tanam padi bukit sahaja	5	16.7	50	7	23.3	47	12	20	48
Tanam tanaman baru/ tidak tanam padi bukit	13	43.3	43	12	40	46	25	41.7	45
Tanam tanaman baru/ tanam padi bukit ^(a)	8	26.7	46	8	26.7	40	16	26.7	43
Tidak tanam tanaman baru (tunggu & lihat)	4	13.3	37	2	6.7	35	6	10	37
Tidak menjawab	-	-		1	3.3	20	1	1.7	20
Jumlah	30	100	44	30	100	43	60	100	43.8

^(a)Tanam padi bukit secara diam-diam

P.U = Purata Umur

Bagaimanapun umur seseorang petani mempunyai hubungan yang jelas dengan pemutusan tindakan yang mereka lakukan. Pada purata umur petani 47 tahun ke atas, mereka berkecenderungan untuk memilih tidak mahu menanam tanaman baru dan hanya menanam padi bukit sahaja. Bagi kumpulan petani yang mempunyai purata umur awal 40an, mereka mempunyai kecenderungan untuk mencuba tanaman baru tetapi sebahagian daripada mereka turut menanam padi bukit secara diam-diam manakala sebahagian lagi mengabaikan penanaman padi bukit. Bagi kumpulan petani yang mempunyai umur 40 tahun ke bawah, kecenderungan yang mereka ambil ialah bersikap tunggu dan lihat. Sikap ini mungkin diambil kerana menyedari mereka masih mempunyai banyak masa

dan tenaga lagi sekiranya menurut pengalaman orang lain, tanaman baru tersebut menguntungkan.

Adalah penting untuk melihat apakah alasan petani sendiri berhubung dengan pilihan yang mereka lakukan dalam Jadual 5.21. Jadual 5.22 menunjukkan alasan-alasan yang diberikan oleh petani berhubung dengan tindakan mereka dalam Jadual 5.21.

Alasan yang paling kerap disebut oleh petani yang sama sekali tidak mahu menanam tanaman baru iaitu 43.3 % di kg. Tinangol dan 26.7 % di Kg. P/R/B ialah mereka tidak mahu menerima risiko. Dengan kata lain mereka tidak mahu mengorbankan masa pertanian selama setahun untuk membuat sesuatu pekerjaan yang baru, yang mana hasil dan teknik pengeluarannya masih belum difahami sebagaimana mereka memahami pengeluaran padi bukit. Peratusan yang lebih tinggi di Kg. Tinangol adalah amat dipengaruhi oleh kegagalan projek tanaman markisa yang dijalankan oleh Koperasi Pembangunan Desa (KPD) bersama salah seorang penduduk Kg. Tinangol. Pada akhir projek tersebut, projek tersebut bukan sahaja gagal malah penduduk terlibat turut berhutang beberapa ribu ringgit daripada pihak KPD kerana bantuan yang diberikan selama itu adalah dalam bentuk pinjaman. (Bahagian ini akan diulas lebih lanjut dalam Bab 6). Alasan lain yang turut disentuh ialah tanaman tersebut tidak sesuai untuk orang tua kerana proses pengeluarannya rumit (3.3%) dan meragui sama sekali hasil tanaman baru (3.3%). Terdapat juga petani yang tidak mahu meninggalkan penanaman padi kerana padi bukit lebih sedap daripada beras yang dibeli di kedai.

Jadual 5.22
Alasan Petani Menanam Atau Tidak Menanam ‘Tanaman Baru’

Alasan	Kg.Tinangol		Kg. P/R/B		Jumlah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Menanam sepenuh masa						
Meningkatkan pendapatan	5	16.7	10	33.3	15	25
Mahu cuba sesuatu yang baru	-	-	2	6.7	2	3.3
Jumlah	5	16.7	12	40	17	28.3
Menanam secara sambilan						
Risiko mesti dielak	8	26.7	7	23.3	15	25
Dua sumber pendapatan	-	-	1	3.3	1	1.7
Untuk meneruskan tradisi	1	3.3	-	-	1	1.7
Jumlah	9	30	8	26.7	17	28.3
Tidak menanam langsung						
Tidak mahu terima risiko	13	43.3	8	26.7	21	35
Tidak sesuai untuk orang tua	2	6.7	-	-	2	3.3
Banyak kerja tapi hasil diragui	1	3.3	1	3.3	2	3.3
Jumlah	16	53.3	9	30	25	41.7
Tidak dapat menjawab	-	-	1	3.3	1	1.7
JUMLAH	30	100	30	100	60	100

Bagi kalangan petani yang berminat menanam tanaman baru tetapi hanya sebagai sambilan, alasan yang paling kerap diberikan di kedua-dua kawasan ialah hasil tanaman baru mungkin tinggi tetapi risiko haruslah dielakkan (25%). Alasan yang turut disentuh ialah untuk mendapatkan dua sumber pendapatan (1.7%) dan untuk meneruskan tradisi (1.7%). Bagi petani yang memilih untuk menanam tanaman baru tersebut secara sambilan, dapat dilihat bahawa matlamat utama mereka ialah untuk melihat sejauhmanakah keupayaan tanaman baru untuk meningkatkan pendapatan mereka tetapi dalam masa yang sama mereka juga mengambil langkah berhati-hati memandangkan tanaman baru masih belum difahami cara pengeluaran sepenuhnya.

Bagi kalangan petani yang berminat untuk menanam tanaman baru secara sepenuh masa, alasan yang kerap diberikan di kedua-dua kawasan ialah tanaman baru meninggikan pendapatan iaitu 16.7% di Kg. Tinangol dan 33.3% di Kg. P/R/B. Alasan lain yang turut disentuh ialah menanam tanaman tersebut semata-mata ingin untuk mencuba sesuatu yang baru.

Pada keseluruhannya peratus lebih tinggi yang berminat menanam tanaman ini secara sepenuh masa ialah di Kg. P/R/B iaitu 40% manakala lebih ramai yang tidak mahu terlibat dengan tanaman baru ini di Kg. Tinangol iaitu 53.3%. Bolehlah dibuat kesimpulan bahawa pengalaman masa lalu di Kg. Tinangol telah menyebabkan kemampuan mereka menerima risiko telah berkurang seterusnya menyebabkan sifat konservatif terhadap perubahan kegiatan ekonomi. Berbanding dengan penduduk di Kg. P/R/B yang pada umumnya belum pernah menerima kegagalan yang serius dalam kerja-kerja sambilan tanaman pertanian mereka; mereka lebih bersikap terbuka menerima perubahan dan menganggap risiko tersebut sentiasa ada dalam apa jua tanaman termasuk padi.

Kemampuan mengambil risiko boleh dikatakan sebagai prasyarat yang amat penting untuk menentukan kejayaan seseorang individu ataupun komuniti. Keengganinan menerima risiko sebaliknya akan menyebabkan komuniti tersebut lebih bersikap ‘menolak’ perubahan meskipun perubahan tersebut mempunyai potensi yang baik untuk mereka. Sebagai kesannya, individu atau masyarakat yang lambat menerima perubahan akan ketinggalan dengan arus pembangunan.

Keengganan masyarakat petani mengambil risiko besar kemungkinan disebabkan oleh kerangka pemikiran yang menganggap ‘risiko’ adalah perkara yang tidak dapat dielakkan. Pengertian ‘risiko’ dalam ekonomi tradisional (bertani) ialah sesuatu yang di luar kawalan manusia seperti bencana kemarau, banjir, ribut dan sebagainya. Risiko ini pula amat mempengaruhi kegiatan pertanian. Apabila para petani didedahkan kepada idea-idea pertanian yang baru, mereka lebih cenderung untuk menolak atau bersikap tunggu dan lihat kerana berpendapat risiko telah bertambah iaitu masalah untuk memahami proses pengeluaran tanaman baru tersebut.

Selain itu, walaupun penanaman padi juga mempunyai risiko kerosakan atau kerugian, para petani tahu bahawa komuniti terutama saudara-mara akan menghulurkan bantuan sekiranya berlaku kerosakan tanaman sesuai dengan amalan tradisional (lihat Jadual 5.4). Mekanisme ini pada dasarnya hanya berlaku apabila melibatkan kes-kes kerugian tanaman padi sahaja. Individu yang sanggup tidak menanam padi (untuk menjalankan kegiatan ekonomi lain) haruslah memikul sendiri tanggungjawab jika usaha barunya gagal. Dapat disimpulkan bahawa ‘sokongan dan jaminan’ komuniti memainkan peranan yang besar dalam menentukan keupayaan mereka (khususnya petani) mengambil risiko.

5.4 Kesimpulan

Perbezaan pemahaman ke atas konsep dan definisi kemiskinan di antara golongan sekular dan masyarakat tradisional merupakan satu titik tolak kegagalan memahami status sebenar kemiskinan masyarakat tradisional. Bahagian ini telah menunjukkan bahawa pada masa golongan sekular menggunakan pendapatan tunai sebagai ukuran

utama kemiskinan, para petani pula meletakkan hasil pertanian dan barang kebudayaan sebagai kayu pengukur status ekonomi mereka. Pada masa indeks garis kemiskinan digunakan sebagai pemisah jarak miskin-kaya, para petani pindah pula menggunakan keupayaan membuka *tagad* sebagai pemisah susah-senang hidup seseorang individu. Pada masa wang dianggap sebagai simbol kemewahan, para petani mengangkat barang kebudayaan sebagai tanda kejayaan mereka.

Walaupun pada masa ini para petani pada umumnya masih mengamalkan kegiatan ekonomi tradisional, ini tidak pula bermakna mereka terasing sama sekali daripada kegiatan ekonomi moden. Mungkin penggunaan matawang yang semakin meningkat dalam urusan sehari-hari adalah penjelasan terbaik untuk membuktikan perkara ini. Dengan kata lain, masyarakat petani (khususnya di kawasan kajian) sedang mengalami satu proses peralihan daripada pergantungan sepenuhnya kepada hasil pertanian sebagai kelangsungan hidup kepada pergantungan sebahagian atau sepenuhnya kepada ekonomi matawang.

Proses peralihan ini jelas kelihatan dalam beberapa isu yang dibincangkan seperti kecenderungan mereka dalam menentukan keutamaan-keutamaan umum, amalan perbelanjaan, sikap terhadap amalan melabur dan menyimpan dan akhir sekali sikap atau penerimaan terhadap inovasi.

Proses peralihan ini sendiri menjelaskan bagaimana amalan dan sikap konservatif masyarakat tradisional sedikit sebanyak memperlambangkan tindakbalas mereka terhadap perubahan ekonomi di luar wilayah mereka. Dengan merujuk kepada perspektif ekonomi

moden, dapat dilihat bahawa masyarakat petani masih mengamalkan nilai-nilai yang pada umumnya tidak rasional pada pandangan ekonomi moden. Umpamanya mereka masih menjalankan pekerjaan-pekerjaan yang kurang mendatangkan keuntungan seperti menanam sesuatu tanaman semata-mata untuk kegunaan sendiri. Selain daripada itu, amalan menyimpan dan melabur walaupun ada dibuat tetapi lebih banyak dalam bentuk barang kebudayaan. Simpanan dan pelaburan untuk tujuan modal dan pertimbangan masa depan kurang diberikan perhatian. Perbelanjaan berbentuk pelaburan hanya banyak dilakukan sekiranya mereka mendapat sejumlah wang yang banyak sahaja.

Masyarakat petani juga mempunyai kecenderungan yang kurang untuk menerima perubahan. Mengelakkan risiko kerugian merupakan sebab utama kecenderungan ini. Selain itu, pengalaman rakan-rakan mereka yang mengalami kegagalan dalam percubaan membuat perubahan, menyebabkan sikap konservatif semakin tebal. Pengaruh sokongan komuniti dalam dilema menerima atau menolak perubahan juga memainkan peranan yang amat penting dalam mempengaruhi kesediaan mereka menerima perubahan.

Kecenderungan para petani untuk menitikberatkan pertimbangan tradisional dalam menentukan kebanyakan keputusan ekonomi mereka jelas menunjukkan mereka masih berada di peringkat awal proses peralihan. Bagaimanapun, meningkatnya keperluan tunai dalam urusan sehari-hari termasuk kerja-kerja di *tagad* akan mempercepatkan proses transisi ini. Meningkatnya keperluan tunai dalam kehidupan harian mereka akhirnya akan membawa konsep kemiskinan ekonomi moden dan konsep kemiskinan masyarakat tradisional ke satu titik di mana salah satu terpaksa menerima realiti bahawa pengasingan ekonomi tidak mungkin terus berlaku.